SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 10 NOV 2014 | Jilid 44 Bil 4 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

Kod etika berpakaian tidak diendahkan

Siswa-siswi tidak mengendahkan kod etika berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) semasa berada dalam kawasan kampus.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Profesor Dr Adnan Hussein, notis mengenai kod etika berpakaian telah ditampal di sekitar kawasan desasiswa, pusat pengajian dan perpustakaan.

Namun, segelintir siswa-siswi masih ingkar peraturan yang ditetapkan khususnya ketika menghadiri kuliah.

Tambah beliau, taklimat mengenai kod etika berpakaian telah diberikan kepada siswa-siswi semasa Program Siswa Lestari. Perkara ini juga diterangkan dalam buku Panduan Siswa Baharu USM.

Profesor Adnan meminta kerjasama pensyarah dari semua pusat pengajian untuk memberi peringatan kepada siswa-siswi mengenai kod etika berpakaian yang ditetapkan semasa kuliah.

Menurut Noor Sanita Deevi, Sains Kemasyarakatan 3, etika berpakaian siswa-siswi bukan sahaja harus dititikberatkan semasa menghadiri kuliah malah sepanjang masa berada dalam kampus

"Kesedaran dalam kalangan siswa-siswi terhadap isu ini perlu wujud melalui penguatkuasaan undang-undang. USM perlu mengambil tindakan terhadap siswa-siswi yang melanggar kod etika berpakaian", jelasnya.

Timbalan Penasihat Undang-undang USM, Mohd Izwan Hamdan berkata siswa-siswi boleh dikenakan hukuman tatatertib seperti diberi amaran, denda tidak melebihi dua ratus ringgit, dipecat atau digantung dari universiti oleh Jawatankuasa Tatatertib USM.

> "Kesedaran dalam kalangan siswa-siswi terhadap isu ini perlu wujud melalui penguatkuasaan undang-undang. USM perlu mengambil tindakan terhadap siswa-siswi yang melanggar kod etika berpakaian"







JUBLI EMAS Tuanku Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Konvokesyen ke-50 USM. Lihat halaman 5 untuk berita selanjutnya. GAMBAR Muhd Suhaib Mohd Shapiee

Kadar baru kunci roda mulai 17 November

Oleh **AU TSE EN NICOLE**

Universiti Sains Malaysia (USM) akan menaikkan harga saman kunci roda berkuatkuasa pada 17 November 2014.

Pengarah Jabatan Keselamatan (JK) USM, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy telah membuat pengumuman rasmi tersebut. Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Keselamatan dan Kesihatan Universiti (MKKU) ke-3 pada 8 Oktober telah bersetuju untuk menetapkan kadar baru kunci roda.

Pemandu yang membuat kesalahan meletak kenderaan di kawasan larangan dan tidak meletak di dalam parkir akan dikenakan harga saman sebanyak RM50 dan bukannya harga lama RM20 lagi. Manakala harga saman terhadap pemandu yang menyalahgunakan ruang parkir orang kurang upaya (OKU) akan dinaikkan daripada RM20 kepada RM100.

Denda tambahan RM50 akan dikenakan kepada pemandu kenderaan yang sudah dikunci roda selama setiap 12 jam. Kenderaan yang ditinggalkan melebihi 48 jam selepas dikunci roda akan ditunda ke kawasan khas di dalam kampus. Kos penundaan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik kenderaan.

Ketua Unit Trafik JK USM, Muhamad Sidik Abdul Rahim berpendapat saman RM20 sebelum ini tidak mampu memberikan iktibar dan pengajaran yang berkesan kepada siswa-siswi.

Beliau juga menggalakkan siswa-siswi untuk meletakkan kenderaan mereka di Padang Kawad USM dan menaiki bas USM yang disediakan.

PENETAPAN KADAR BARU KUNCI RODA (CLAMPING)

KESALAHAN	KADAR LAMA	KADAR BARU
I. Meletak kenderaan di kawasan larangan dan tidak meletak di dalam kotak parkir.	RM20	RM50
II. Meletak kenderaan di kotak parkir OKU.	RM20	RM100

Denda bagi setiap kesalahan (I&II) akan dinaikkan RM50 setiap 12 jam. Kenderaan yang ditinggalkan melebihi 48 jam setelah dirantai akan ditunda ke kawasan khas dalam kampus. Kos penundaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik kenderaan.

Sumber | Jabatan Keselamatan USM

Harungi liku-liku kehidupan kampus

Kehidupan ini bukanlah seperti tinggal di hotel, ia penuh dengan liku-liku yang harus ditempuhi. Jika kita mengharapkan nikmat layanan hotel lima bintang tanpa berusaha, ia hanyalah sekadar angan-angan. Kadang-kala mungkin siswa-siswi bercita-cita untuk menjadi tokoh negara yang tersohor, namun dengan usaha yang gigih, kita mampu menandingi Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, angkasawan pertama Malaysia.

Kita sendiri tidak tahu apa yang akan berlaku pada hari esok. Lebih penting lagi, siswa-siswi harus menghadapi cabaran dengan sikap yang positif dan bertindak secara efektif dalam kehidupan di kampus. Siswa-siswi boleh diibaratkan sebagai pemenang sekiranya faham cabaran dan halangan yang akan hadir di sepanjang kehidupan ini.

Kehidupan di universiti penuh dengan cabaran, siswa-siswi haruslah menghadapinya dengan senyuman yang ikhlas kerana segala halangan dan kesukaran yang mendatang, sudah tentu ada hikmah di sebaliknya. Siswa-siswi harus berusaha menangani segala situasi sukar yang ditempuhi. Misalnya, jika siswa-siswi menjadi pemimpin atau ahli jawatankuasa untuk sesebuah organisasi persatuan, sudah tentu ada pelbagai cabaran dari segi pelaksanaan projek, proses membuat keputusan, dan sebagainya. Oleh itu, siswa-siswi haruslah bekerja secara berkumpulan dan mengadakan perbincangan secara bersemuka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh organisasi persatuan tersebut. Percayalah setiap kesukaran yang datang pasti ada jalan penyelesaian walaupun kita tertekan dengan masalah yang dihadapi.

Ada masanya siswa-siswi mengharapkan usaha akan terus membawa kita ke kemuncak kejayaan tetapi disebabkan masalah dari segi kesihatan, kewangan, dan perhubungan, kita tersangkut di dataran sehinggalah ada jalan penyelesaiannya. Siswa-siswi haruslah berusaha mendapatkan perkhidmatan kaunseling untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi secara positif. Kemahuan dan fokus yang membolehkan siswa-siswi sampai ke kemuncak tersebut.

Melalui cabaranlah pemikiran pemenang akan berkembang. Dengan adanya cabaran, pemenang akan berfikir secara kritis. Melalui cabaran kita boleh mentransformasikan impian menjadi kenyataan. Melalui cabaran, pemenang akan mula menjadi pemimpin. Pemenang menongkah arus menuju kejayaan kerana cabaran. Tiada perkara lain yang lebih manis daripada sebuah kemenangan lebih-lebih lagi apabila harapan untuk berjaya adalah tipis namun dengan keyakinan diri yang menggunung, kita mampu berjaya dalam mengharungi cabaran. Siswa-siswi seharusnya menjadi pemenang agar nikmat sebuah kehidupan terjamin. Misalnya, siswa-siswi yang gagal dalam peperiksaan, sekiranya bangkit dan berusaha dengan lebih gigih akhirnya akan mengecapi kejayaan yang diimpikan.

Siswa-siswi harus bersiap sedia dan melipatgandakan usaha dalam apa jua bidang yang diceburi. Jangkakan cabaran dan terimalah ia dengan hati dan minda yang terbuka. Ini adalah untuk kehidupan sendiri dan ia tidak menyediakan hotel lima bintang tetapi erti sebuah kehidupan.

Pupuk nilai insaniah yang semakin hilang

Setiap ciptaan Tuhan itu hidup untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Sejarah telah membuktikan haiwan mempunyai hubungan akrab dengan manusia. Pentingnya haiwan ibarat jari dan kuku. Tanpa jari, kuku tidak lagi bermakna, begitu juga sebaliknya. Pengorbanan haiwan kepada manusia hakikatnya bukan sedikit malah jika dihitung barangkali tidak ternilai dengan wang ringgit. Antara pengorbanan haiwan yang paling besar dalam kehidupan manusia adalah membekalkan sumber makanan kepada manusia tanpa henti. Tanpa makanan yang menjadi keperluan asas manusia pastinya kita tidak dapat meneruskan hidup di muka bumi ini.

Walau bagaimanapun, akibat ketamakan manusia, haiwan menjadi mangsa penyeksaan. Lihat sahaja di media cetak mahupun media elektronik, kes-kes penderaan haiwan oleh manusia yang tidak berperikemanusiaan, kejam dan tiada hati nurani semakin bermaharajalela. Artikel Harian Metro bertarikh 28 Oktober 2014 yang bertajuk MIAR bela nasib haiwan telah berkongsi pengalaman pengasas Persatuan Sukarelawan Penyelamat Haiwan (MIAR) iaitu T Puspa Rani. Beliau pernah mengendalikan kes penganiayaan melampau terhadap anjing yang digantung dalam keadaan mengerikan dan anak kucing yang dipijak sehingga mati. Persoalannya, di mana tindakan kita sebagai manusia dalam menegakkan hak haiwan yang tidak mampu bersuara? Apakah cukup sekadar melahirkan rasa simpati melalui coretan sebaris ayat di laman sosial atau sekadar menitiskan air mata sebagai tanda simpati?

Kita sebagai warga muda berpendidikan tinggi seharusnya menjadi pembela nasib haiwan yang tidak mempunyai pelindung. Melalui cetusan idea dan lontaran pandangan yang matang setidak-tidaknya mampu melindungi makhluk yang tidak berdosa ini dari terus menjadi mangsa penyeksaan.

Suara-suara anak muda yang bijaksana perlu diketengahkan dan diangkat sehingga ke peringkat antarabangsa. Gerakan-gerakan dalam membela nasib haiwan ini perlu digiatkan dari semasa ke semasa di peringkat universiti sebagai protes terhadap kezaliman manusia. Walau bagaimanapun, biarlah tindakan berhemah dan mematuhi peraturan supaya apa yang diperjuangkan tidak sia-sia.

Hakikatnya, tidak ada solusi yang signifikan dalam membendung penyeksaan haiwan melainkan peranan diri sendiri. Amalan seharian dan nilai kemanusiaan perlu terus digilap dalam memastikan kita menyempurnakan hak-hak haiwan.

Langkah kerajaan untuk menggubal Akta Kebajikan Haiwan bagi menggantikan Akta Haiwan 1953 ialah solusi terbaik dalam usaha mendidik masyarakat. Akta terbaru akan mengenakan hukuman denda maksimum yang lebih berat sehingga RM100,000 berbanding RM200 sebelum ini. Moga hukuman baru ini memberi keinsafan kepada semua untuk menghormati hak haiwan.

Sempena Hari Haiwan Sedunia yang disambut pada 4 Oktober setiap tahun, marilah sama-sama kita muhasabah diri. Hargai dan bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan Tuhan kepada kita. Budaya masyarakat kita yang mengharapkan orang lain mengambil tindakan terlebih dahulu perlu dihapuskan. Mulakan dengan diri kita sendiri. Sematkan dalam diri bahawa sebagai manusia kita mempunyai tanggungjawab terhadap alam sekeliling. Melalui usaha giat bersama pastinya penyeksaan haiwan di muka bumi ini semakin berkurang dan akhirnya berjaya dihapuskan.

Hargai masa, capai kejayaan

Pengurusan masa bermaksud pembahagian masa dengan betul supaya aktiviti harian seseorang dapat dijalankan dengan baik dan tidak terganggu. Pelbagai kegiatan boleh dilakukan oleh siswa-siswa untuk menguruskan masa secara berkesan. Penglibatan dalam aktiviti akademik, ko-kurikulum dan peribadi yang positif mampu membantu siswa-siswi menggunakan masa secara berhemah, dan berperoleh manfaat.

Siswa-siswi digalakkan mengendalikan masa secara berkesan iaitu dengan menyediakan jadual waktu belajar. Namun begitu, terdapat banyak siswa-siswi yang menyediakan jadual waktu belajar persendirian, tetapi tidak mengikutinya. Jadual waktu belajar dapat membantu siswa-siswi menguruskan masa secara berkesan supaya mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk mengulang kaji pelajaran dengan menyeluruh dan bersiap sedia untuk menghadapi peperiksaan. Siswa-siswi yang berjaya, biasanya terdiri daripada siswa-siswi yang membuat persediaan awal. Bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan.

Di samping itu, masa yang terluang hendaklah digunakan untuk aktiviti yang berfaedah. Sesungguhnya masa itu amat berharga dan masa yang terbuang tidak akan dapat dikembalikan.

Seandainya siswa-siswi menguruskan masa dengan cekap, masa yang terluang boleh digunakan untuk melakukan kerja-kerja yang berfaedah seperti membaca majalah ilmiah, bersenam dan berekreasi. Melalui pembacaan majalah ilmiah, siswa-siswi bukan sahaja menggunakan masa dengan berfaedah, malah dapat juga menambah ilmu pengetahuan.

Selain itu, pengurusan masa yang berkesan juga dapat menanamkan sikap bertanggungjawab dan berupaya mendisiplinkan diri sendiri. Siswa-siswi juga berpeluang berdikari dalam menguruskan masa sendiri.

Siswa-siswi yang mempunyai sifat-sifat terpuji seperti ini akan disanjungi oleh masyarakat. Siswa-siswi juga dinasihati supaya menggunakan masa cuti semester dengan berfaedah. Masa ini boleh digunakan oleh siswa-siswi untuk membaiki kelemahan dalam pembelajaran. Usaha-usaha ini perlu dilakukan untuk mencapai kejayaan kerana jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Tanggungjawab siswa-siswi bukan sahaja dalam akademik malah dalam bidang sukan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan kehidupan kita. Oleh itu, kita perlu menguruskan masa dengan betul supaya aktiviti harian dapat dijalankan dengan berkesan dan seterusnya melahirkan insan yang cemerlang dalam semua bidang. Pendek kata dapatlah kita rumuskan bahawa siswa-siswi yang bijak menguruskan masa akan mengecapi kejayaan dalam kehidupan mereka.

Alamat | Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi || **Telefon** | 04-653 5071 || **E-mel** | beritakampus44@gmail.com

Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.
Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.

By **MICHELE NG HENG KIM**

Change the mindset in accordance to education level

Traffic safety in University Sains Malaysia (USM) main campus is under control but it does pose some problems.

According to the Director of Jabatan Keselamatan (JK), Dr P. Sundramoorthy, there are many issues regarding road safety such as speeding and failure to stop at pedestrian crossing or traffic signage in USM.

"Another issue is the failure to follow general rules and regulations on road safety that is applicable on all public roads in Malaysia. The same thing should be applicable here in USM", he said.

Dr Sundramoorthy said that it saddens him to know that these issues still occur in a higher education institution like USM.

"You would think in a university environment, you have a very well educated community but yet we have issues regarding traffic safety", he added.

When asked about speeding in campus, he said that it is hard to decide if speeding is an issue.

"The vehicle may look fast but it is not necessarily fast. Cars with different colours will give different impression of the speed they are driven although both are driving at the same speed", he explained.

Mohammad Aliff Shakir, Industrial Technology 3 who rides a motorcycle said that the driving of the drivers in USM is quite dangerous.

Florence Tan Hui Ping, Biological Sciences 3 who drives a car also said that some of the drivers in USM are driving too fast but generally it is not bad.

Dr Sundramoorthy said that is a fact that JK does not have the training or equipment to conduct speed trap. It is also a question if they have the power to enforce speeding rules on campus but there are certain aspects that the JK can do to reduce speeding on campus.

"Occasionally we have road blocks that will deter people but it seems right after that they will revert back to normal. Students are aware that JK does not have the authority to issue speeding ticket hence they are not afraid", he added.

Dr Sundramoorthy also stressed that it is shameful for USM to have these cases of students not abiding to traffic rules such as not using signal indicators when turning.

"Despite the education level of people here in USM, it appears social norms in regard to respect for traffic law is diminishing", he said.

Pemilik Jawi mohon maaf

Pemilik restoran N Jawi Food Corner berhampiran dengan Kompleks Restu Saujana Tekun (RST) Universiti Sains Malaysia (USM) memohon maaf kepada siswa-siswi mengenai isu kebersihan kedai mereka.

Abdullah Kuhayee dan isterinya, Che Romah berkata kejadian yang berlaku bukanlah disengajakan. Beliau yang terkejut melihat serangga dalam makanan, segera meminta maaf kepada siswi terbabit.

Beliau turut terkilan ekoran perniagaan yang semakin merosot kerana hilang kepercayaan pelanggan.

"Sewaktu kejadian berlaku ramai pelanggan datang ke kedai saya, tambahan pula kami kekurangan tukang masak hingga saya sendiri turun untuk memasak pada malam tersebut. Jadi saya hanya sempat memohon maaf secara ringkas sahaja kepada siswi terbabit", ujar Abdullah.

Tengku Fatin Farhana, Bahasa, Literasi & Terjemahan 3, berkata tujuan beliau memuat naik gambar tersebut ke laman sosial bukan untuk menutup punca rezeki mereka tetapi lebih kepada menyedarkan pemilik restoran Jawi agar menjaga kebersihan.

"Pada malam kejadian, saya dan rakan yang lain kelaparan dan kami terus makan tanpa memeriksa isi kandungan sup tersebut. Selepas menjamu selera baru kami sedar lebih lapan ekor serangga ada dalam bekas makanan kami", jelas Fatin kepada *Berita Kampus*.

"Isu makanan ialah perkara yang serius dan kejadian di Restoran Jawi bukan isu yang baru sebaliknya ia masih berlarutan hingga hari ini. Saya turut dimaklumkan bahawa siswi lain juga menerima nasib sama pada petang tersebut", tambah Fatin.

Menurut Abdullah, mereka segera menutup premis mereka selama tiga hari untuk kerja-kerja pembersihan dan mengecat. Peralatan lama juga diganti dengan yang baru.

"Saya nasihat siswa-siswi lebih berhati-hati dalam memilih restoran dan memeriksa isi kandungan makanan terlebih dahulu untuk mengelakkan hal sebegini berulang walaupun di kafeteria USM sendiri", tegas Tengku Fatin.

Kekurangan lintasan belang punca siswa-siswi cuai



JALAN MUDAH…akibat kekurangan lintasan belang, mereka melintas di mana-mana sahaja.

Fenomena siswa-siswi melintas jalan dalam kawasan kampus tanpa menggunakan lintasan belang sudah menjadi amalan harian terutama bagi mereka yang berjalan kaki. Siswa-siswi sewenangnya membahayakan diri dengan melintas jalan tanpa menggunakan lintasan belang terutama di hadapan bas yang baru berhenti.

Menurut pembantu keselamatan Seksyen Trafik Jabatan Keselamatan (JK) USM, Mohd Siddiq Abdul Rahim, sikap siswa-siswi ini dianggap negatif dan mereka seharusnya mempunyai tahap kesedaran diri yang tinggi bagi menjaga keselamatan diri.

Sikap cuai sebegini menurutnya lagi tidak boleh diambil mudah oleh siswa-siswi kerana sekiranya berlaku kemalangan ia akan menyusahkan banyak pihak seperti JK dan desasiswa.

"Sekiranya berlaku kemalangan dalam kampus pihak kami akan terus menghubungi Pusat Sejahtera dan seterusnya desasiswa siswa-siswi terbabit", jelasnya.

Beliau juga mencadangkan agar persatuan dalam kampus dapat menganjurkan kempen kesedaran atau ceramah mengenai lintasan belang ini sebelum hal yang tidak diingini berlaku.

Menurut Fatinnah Safa, Sains Kemasyarakatan 3, punca utama siswa-siswi melintas tanpa menggunakan lintasan belang kerana ingin cepat dan kesuntukan masa. Selain itu, lintasan belang hanya ada di beberapa kawasan kampus sahaja dan ini menyukarkan mereka.

"Penambahan lintasan belang adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pembangunan. Majlis Perwakilan Pelajar boleh mengemukakan cadangan kepada mereka untuk menambahnya di beberapa kawasan kampus", jelas Siddiq.

JK beri kelonggaran parkir selagi tidak halang lalulintas

Pengarah Jabatan Keselamatan (JK) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr P. Sundramoorthy berkata siswa-siswi boleh meletakkan kenderaan walaupun bukan di parkir selagi tidak menghalang lalulintas dan kenderaan lain.

"Kenderaan boleh diletakkan di kawasan yang bukan dikhaskan untuk parkir selagi tidak mengganggu laluan kereta lain, ruangan pili bomba, dan parkir orang kurang upaya (OKU) serta lalulintas", ujarnya.

Tambah beliau, JK memahami keadaan parkir yang terhad di USM. Oleh itu, kerja-kerja penguatkuasaan dilakukan mengikut budi bicara JK. Siswa-siswi dibenarkan meletakkan kenderaan di kawasan USM selagi tidak melanggar peraturan yang ditetapkan.

Masalah parkir yang terhad di USM menyebabkan siswa-siswi meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak sepatutnya.

Menurut Nor Al-fatihah Mokhtar, Ilmu Kemanusiaan 3, dia terpaksa meletakkan motosikal di ruangan yang tidak sepatutnya disebabkan bilangan parkir yang tidak mencukupi.

"Parkir bertingkat boleh dibina di depan bangunan C23 untuk kemudahan siswa-siswi kerana banyak yang membawa motosikal dan kereta sebagai pengangkutan seharian", ujarnya lagi.



SISWA-SISWI terpaksa meletakkan motosikal bersebelahan bangunan C20 kerana kekurangan parkir.

Dr Normala: Pusat Sejahtera sedia terima maklum balas

Lambat menunggu giliran dan layanan yang kurang mesra daripada doktor atau staf antara aduan yang diterima Berita Kampus berkenaan perkhidmatan Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Nurul Nasirah Chek Noordin, Perumahan Bangunan dan Perancangan 3, lama menunggu giliran adalah punca dirinya kurang merujuk ke Pusat Sejahtera sekiranya tidak sihat. Baginya, isu lama menunggu giliran ini sudah lama dihadapi oleh beliau dan rakan-rakannya.

“Saya kurang berpuas hati dengan perkhidmatan Pusat Sejahtera dari segi menunggu giliran. Bukan sahaja semester ini saya mengalaminya, malah semester sebelumnya juga saya menghadapi masalah yang sama. Hal ini telah menyebabkan saya jarang ke Pusat Sejahtera”, katanya.

“Saya pernah menunggu hampir 1 jam untuk mendapatkan rawatan walhal angka giliran saya adalah selepas angka giliran yang sedang menerima rawatan. Beberapa hari lepas, saya menemani rakan ke Pusat Sejahtera namun isu lama menunggu giliran ini masih sama, hampir 40 minit menunggu saya dan rakan beredar kerana kami mempunyai kuliah selepas itu”, jelasnya lagi.

“Bukan itu sahaja, sesetengah staf di kaunter pendaftaran juga tidak memberikan layanan kepada siswa-siswi dengan baik. Ada yang bermasam muka apabila ditanya dan ada juga yang menjawab dengan nada yang kurang sopan. Hal ini menyebabkan ketidakselesaan kepada kami sebagai pesakit”, tambahnya lagi.

Menurut Nurul Aqilah Pohan Tarmizi, Sains Kimia 3, beliau juga mempunyai masalah perkhidmatan di Pusat Sejahtera dari segi layanannya yang kurang mesra oleh doktor di sini.

“Ketika saya ke Pusat Sejahtera baru-baru ini, angka giliran saya dipanggil untuk terus ke bilik doktor sebelum ke kaunter penyaringan. Sebaik sahaja saya masuk, saya ditegur dengan nada yang kurang mesra oleh doktor yang meminta saya ke kaunter penyaringan dahulu sebelum ke bilik beliau”, tegasnya.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera USM, Dr Normala Abdul Wahid, isu lama menunggu giliran ini adalah perkara yang biasa bagi semua klinik dan hospital kerana golongan yang datang ke sini bukan sahaja daripada siswa-siswi malah daripada semua kategori.

“Isu masa yang diperuntukkan bagi seseorang pesakit adalah bergantung kepada simptom yang dialami pesakit. Sekiranya pesakit mengatakan mereka diarrhea, simptom yang dialami berkemungkinan berkaitan dengan penyakit-penyakit lain. Oleh itu, setiap pesakit memerlukan rawatan yang rapi”, tegasnya.

“Apabila siswa-siswi datang ke sini, mereka akan menunggu bersama-sama pesakit lain. Mungkin giliran mereka ini selepas staf dan mungkin selepas anak-anak kecil yang mana mengambil masa yang lama dan ini memang tidak dapat dinafikan”, tambahnya lagi.

“Namun, kami sudah cuba memberi laluan khas dan jalan pintas kepada siswa-siswi bagi mengurangkan masa menunggu seperti medical check-up, ujian darah, pemeriksaan mata, dan menyediakan klinik panel. Bagi kes-kes berat seperti kecemasan pula kami akan terus bawa pesakit untuk pemeriksaan lanjut dan seterusnya ke unit pemerhatian”, katanya.

“Layanan kurang mesra oleh doktor dan staf khususnya perkhidmatan di kaunter, kami akan cuba menjalani latihan intensif atau kursus tentang bagaimana berurusan di kaunter dan bagaimana berurusan dengan pesakit untuk memperbaiki mutu perkhidmatan di Pusat Sejahtera”, jelasnya lagi.

Dr Normala juga menjelaskan bahawa beliau sangat mengalu-alukan sebarang aduan atau cadangan daripada siswa-siswi USM. Sebarang aduan boleh disalurkan kepada kotak aduan yang disediakan di Pusat Sejahtera atau emailkan kepada dir_pk@usm.my.

Naik taraf peranti atasi masalah internet

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak rungutan dalam kalangan siswa-siswi mengenai masalah internet di kampus USM. Gangguan talian internet telah menyebabkan siswa-siswi menghadapi masalah dalam mencari maklumat, bersosial dan berhibur.

USM menggunakan dua talian internet iaitu TM dan JARING. Hampir semua desasiswa dan bangunan USM menggunakan perkhidmatan TM manakala staf USM dan sebahagian bangunan menggunakan internet JARING.

Menurut Pegawai Sistem Maklumat, Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT), Shahrul Ismi Mohd Akhir, masalah ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti masalah Access Point (AP) yang lama, penggunaan lebih daripada satu peranti, gangguan dari peranti haram, faktor peranti pengguna, penyalahagunaan internet, gangguan bekalan elektrik dan sebagainya.

“Kemunduran teknologi pada AP yang sedia ada menjadi salah satu faktor kekangan bagi menangani pertambahan trafik rangkaian dan peranti pengguna ini. Masalah gangguan internet juga berlaku kerana peningkatan trafik rangkaian dari penggunaan internet oleh pengguna dan menyebabkan kesesakan kepada peralatan rangkaian dan talian internet. Peningkatan trafik rangkaian ini disebabkan pertambahan peranti pengguna seperti komputer riba, telefon pintar dan tablet”, katanya.

“Selaras dengan konsep Bring Your Own Device (BYOD), USM telah naik taraf kelajuan internet daripada 2x155 Mbps kepada 2x500 Mbps untuk meningkatkan produktiviti dan memberi kemudahan kepada siswa-siswi. Kerja menaik taraf ini bersesuaian dengan konsep pada masa kini iaitu seorang pengguna menggunakan dua hingga tiga peranti”, jelasnya kepada Berita Kampus.

“PPKT sudah menjangkakan masalah ini berikutan teknologi yang berkembang pesat. Oleh itu, kami telah membuat cadangan kepada pengurusan universiti untuk naik taraf AP di bangunan yang bermasalah supaya kebajikan siswa-siswi dapat dijaga. Bilangan AP dalam rekod PPKT adalah 1355 unit. Namun begitu, AP akan ditukar secara berperingkat mengikut peruntukan yang diberi dan lokasi yang paling banyak mendapat aduan”, tambahnya.

Menurut Mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jabatan Jaringan Media dan Informasi, Mohd Syafiq Ahmad Dusuki, setakat ini terdapat 136 maklum balas berkaitan cadangan atau aduan yang diterima. Desasiswa yang paling banyak membuat aduan adalah Desasiswa Tekun diikuti oleh Restu, Aman Damai, serta sedikit aduan di Cahaya Gemilang dan Indah Kembara.

“Ruang cadangan atau aduan yang menggunakan Google Docs telah dimasukkan dalam Facebook seperti USM Info Sharing, Bakal Mahasiswa dan Majlis Perwakilan Pelajar untuk memudahkan siswa-siswi membuat aduan mengenai masalah ini. MPP dengan kerjasama PPKT, sedang mengumpul maklumat untuk mengetahui desasiswa yang paling terjejas teruk akibat masalah ini”, katanya.

Menurut Shamiz Zul Haiqal Azman, Ilmu Kemanusiaan 3, masalah internet bermula pada akhir semester lepas dan bertambah teruk sejak kebelakangan ini.

“Saya ialah penghuni Desasiswa Restu dan sering kali menghadapi masalah untuk akses talian internet USMSecure. Selain itu, saya juga menghadapi masalah sama di sekitar pusat pengajian”, katanya.

PPKT sangat menggalakkan siswa-siswi untuk membuat aduan kepada ServisDesk@PPKT. Melalui maklumat yang disalurkan kepada ServisDesk@PPKT, PPKT dapat menyemak secara terperinci setiap aduan bagi mengenalpasti punca masalah dan melakukan tindakan penambahbaikan yang diperlukan.

> “Masalah ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti masalah Access Point (AP) yang lama, penggunaan lebih daripada satu peranti, gangguan dari peranti haram, faktor peranti pengguna, penyalahagunaan internet, gangguan bekalan elektrik dan sebagainya.”

Pengguna kad Cardiflex tak perlu beratur panjang

Pengguna yang miliki kad Cardiflex tidak perlu beratur panjang untuk menggunakan perkhidmatan fotokopi dan mencetak di LBP Enterprise Sdn Bhd kerana operasi dijalankan secara layan diri sejak sebulan yang lalu.

Menurut pemilik LBP Enterprise, James Lim, sistem analog telah ditukar menjadi digital untuk memudahkan pelanggan berurusan. Walau bagaimanapun mereka masih menawarkan perkhidmatan secara manual untuk pelanggan yang tidak mempunyai kad Cardiflex.

Pelanggan yang tidak memiliki kad Cardiflex terpaksa membuat bayaran cetakan lebih mahal iaitu RM0.20 bagi 10 helaian pertama serta perlu beratur panjang menunggu giliran berbanding pengguna kad Cardiflex yang dikenakan RM0.10 bagi setiap helaian cetakan hitam putih.

Sebanyak lapan buah komputer disediakan untuk perkhidmatan layan diri iaitu lima buah untuk cetakan hitam putih dan tiga buah untuk cetakan berwarna, sementara dua buah komputer lagi untuk perkhidmatan secara manual.



Siswa-siswi yang tidak memiliki kad Cardiflex terpaksa beratur panjang untuk menggunakan perkhidmatan fotokopi dan cetakan secara manual.

“Jumlah komputer untuk perkhidmatan layan diri akan ditambah dari masa ke masa mengikut permintaan daripada pelanggan, selain bercadang untuk menempatkan perkhidmatan ini di dalam Perpustakaan Hamzah Sendut, Pusat Pengajian dan desasiswa”, katanya.

Menurut Jeevashni K-Seven, Ilmu Kemanusiaan 1, urusannya menjadi lebih cepat apabila menggunakan sistem kad Cardiflex ini kerana tidak perlu beratur panjang selain mudah mengendalikan tanpa perlu berurusan dengan pekerja, jumlah wang di dalam kad dipotong secara automatik mengikut nilai perkhidmatan.

Pembelian kad Cardiflex dan tambah nilai boleh dilalukan sendiri melalui mesin pembayaran automatik dengan nilai minimun tambah nilai RM5.00.

Brian Ho Kang Xian, Teknologi Industri 1, berkata dia tidak menggunakan sistem kad ini kerana jarang menggunakan perkhidmatan di sini, selain tidak mengetahui cara sistem ini berfungsi.

Force learning, a way to instil entrepreneurship

Entrepreneurship is a change in ability to view the world and surrounding as a marketplace to develop products for the good of oneself, community and the world.

According to the coordinator of WUS101: Teras Keusahawanan, Mohd Shafie Ariffin, the main objective of the subject is to produce entrepreneur out of students. WUS101 is compulsory subject for all Universiti Sains Malaysia (USM) students.

"We know that not all students can be entrepreneur but we hope they will be entrepreneurial graduates. They will have the mindset of an entrepreneur", he explained.

Tan Sue Han, Biological Sciences 3 who took WUS101 during her first semester felt that she did not gain in term of knowledge and skills to be an entrepreneur.

Shafie admitted that it is hard to instil entrepreneurship through this subject due to the students' mentality that it is just a necessity in order to graduate.

Tan added that the subject did not instil the passion to pursue entrepreneurship in her.

However, Shafie strongly believes that students can benefit through force learning.

"Most students will forget about the subject after taking it but they do not realise they develop entrepreneurial skills unconsciously. Through forcing, they are able to learn from experience", he explained.

There is a difference in term of benefit obtained by students who study the subject voluntarily and involuntarily.

"Those who study involuntarily will only gain 70% of the knowledge. They will get the grade but they do not benefit from the grade. They do not know how to apply what they have learnt", he said.

Asnita Rahman, Social Sciences 3, owner of an online clothing business said that the subject helped her a bit as she gained from the slots in which successful entrepreneurs were invited to share their valuable experiences.

One of the assignments for WUS101 is to profile a successful entrepreneur with the condition that he or she owns at least a degree. Mr Shafie stressed that by doing so, the students will realise that academic qualification is important in order to be successful.

"It is due to the degree or the professional certificate, network, recognition and thinking ability that they are better off and successful", he added on.

Tan said that she does not think it appropriate to limit the scope of the assignment to just those having degree only.

Asnita also said that the emphasis should be more lenient as there are successful entrepreneurs with just Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) as their qualification.

"Maybe WUS can consider allowing interview of successful entrepreneur despite having lower academic qualifications than degree. I am certain students will learn from these entrepreneurs and be more enthusiastic to be one themselves", she said.

There are two kinds of education- formal and informal education. Both are important to be successful but formal learning will secure one's success in the long run.

Shafie gave examples of successful entrepreneur such as Steve Jobs (Apple) or Mark Zuckerberg (Facebook) that were still successful despite not completing their studies yet.

"Although they are still studying, the main point is they are in university. They have received education that helps nurture their idea and motivate them. Hence, those who received education will be more successful for a longer term than those without education", he explained.

When asked about the increase in entrepreneur in USM, he said that they have been able to meet the Ministry of Education (MOE) goal to produce at least 5% entrepreneurs out of their graduates. The number for USM is increasing every year but at a slow pace.

"For the nation, 5% is not enough. We need more than that but actually that percentage is quite difficult to achieve", he added on.

In order to instil entrepreneurship aside from WUS101, it should be embedded in other subjects. Pusat Pembangunan dan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) also organises a lot of entrepreneurship programmes.

Shafie said that more effort should be done and he encourages forced learning.

"Maybe force learning is the only way to get more students to be more involved in entrepreneurship", he concluded.

Rakan Masjid sarankan siswa-siswi hadiri majlis ilmu

Rakan Masjid Universiti Sains Malaysia (USM) ialah persatuan rasmi yang bernaung di bawah Pusat Islam Universiti Sains Malaysia sejak 2010 dengan tujuan untuk mendekatkan siswa-siswi dengan masjid.

Yang Dipertua Rakan Masjid, Muhammad Azizul Rahim Kamarudin berkata program anjuran mereka kurang mendapat sambutan terutamanya siswa.

"Kebanyakan program yang dianjurkan oleh kami lebih kepada ilmu seperti kursus pengurusan jenazah, kem solat sempurna, dan kursus perkahwinan", jelasnya kepada Berita Kampus.

Azizul berkata siswa-siswi lebih berminat untuk menghadiri program yang dianjurkan oleh pusat pengajian kerana disediakan mata MyCSD.

"Kami tidak menyediakan mata MyCSD kerana ingin mengajak siswa-siswi untuk menghadiri majlis ilmu dengan rela hati", katanya lagi.

Sementara itu, program anjuran Rakan Masjid bukan sahaja terbatas untuk siswa-siswi USM sahaja tetapi melibatkan kakitangan USM dan komuniti Flat Hamna.

Azizul berkata lagi Rakan Masjid sedang mencari pelapis yang boleh memberi komitmen dan sukarela untuk membantu melancarkan urusan program yang akan dilaksanakan serta membantu urusan Pusat Islam USM.

"Saya berharap kepada semua siswa-siswi USM dapat menghadirkan diri ke program yang dianjurkan oleh Rakan Masjid dengan rela hati", jelas Azizul.

Upacara Konvokesyen ke-50 USM lakar sejarah

Tuanku Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Konvokesyen ke-50 USM.

USM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada tokoh kepimpinan pendidikan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad.

Konvokesyen kali ini turut menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Dato' Jamjan Rajikan, Mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) USM.

Seramai lima graduan menerima anugerah khas kali ini iaitu Pingat Emas Canselor yang dianugerahkan kepada Ng Suk Ning, Ijazah Doktor Perubatan. Penerima Anugerah Pelajaran Diraja Majlis Raja-raja Malaysia ialah Nurul Syafiah Abdul Naeeim, Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Matematik) dan Soh Sin Siang, Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer. Penerima Pingat Emas Naib Canselor kategori OKU Cacat Pendengaran ialah Chong Kai Zhen, Ijazah Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan, dan Perancangan). Penerima Pingat Emas Naib Canselor ialah Mohamad Haziq Al Amir Mohd, Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan.

Seramai 5,472 graduan yang terdiri daripada 3,914 ijazah pertama, 1,477 ijazah tinggi dan 78 diploma diraikan dalam Upacara Konvokesyen ke-50 USM yang berlangsung pada 5 hingga 9 November 2014 bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

Khidmat kaunseling sedia bantu siswa-siswi

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Pusat Penempatan Graduan, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara profesional bagi membantu siswa-siswi sekaligus memastikan proses pembelajaran berjalan secara lancar.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan Kaunselor, Raja Salwati Raja Othman, siswa-siswi akan diberikan tunjuk ajar dan panduan dari segi akademik dan peribadi.

Beliau berkata, siswa–siswi boleh mendapatkan kaunseling secara individu atau berkumpulan, serta sesi bimbingan dan rundingan sekiranya menghadapi sebarang masalah.

Namun, setakat ini penyertaan untuk mengikuti sesi kaunseling berkumpulan atau kelompok tidak mendapat sambutan dalam kalangan siswa-siswi.

"Kebanyakan siswa-siswi menghadapi masalah dari segi faktor personaliti, tekanan, keluarga, kerjaya, hubungan dan kewangan. Kaunselor juga berhadapan dengan siswa-siswi tahun pertama yang gagal menyesuaikan diri dalam kehidupan kampus serta sukar memberi komitmen terhadap bidang pengajian yang diikuti", ujar beliau.

Tambah beliau, sesi kaunseling yang diberikan kepada siswa-siswi bergantung kepada tahap masalah yang dihadapi oleh mereka. Justeru, terdapat juga kes yang melibatkan siswa-siswi yang menghadiri sesi kaunseling sebanyak 20 kali.

"Setiap perbualan direkodkan dengan rapi dan akan disalurkan menerusi alternatif berkaitan jika melibatkan masalah kritikal. Siswa-siswi tidak perlu bimbang tentang pendedahan maklumat kerana segala data akan disimpan secara sulit dan terjamin", kata beliau.

Selain itu, siswa-siswi juga boleh menduduki ujian personaliti, ujian minat kerjaya dan juga ujian stres yang menjadi perantara untuk mengukur personaliti, minat kerjaya dan tahap stres yang dialami oleh mereka.

Secara holistik, berlaku peningkatan dalam bilangan siswa-siswi yang mendekati kaunselor untuk mendapatkan khidmat kaunseling berbanding sidang lepas.

Namun, kepekaan siswa-siswi menyelesaikan masalah melalui hasil perundingan dengan golongan profesional masih tidak memuaskan.

"Warga kampus harus tampil sekiranya mereka memerlukan bantuan supaya matlamat asal dalam melahirkan warga yang sihat dari segi mental dan rohani tercapai", kata beliau.

Sekiranya memerlukan perkhidmatan kaunseling, siswa-siswi boleh menghubungi talian 04-6536000 atau hantar e-mel ke gpc@usm.my.

Penghuni desasiswa kurang peka ServisDesk

Kebanyakan penghuni desasiswa kurang peka terhadap kemudahan ServisDesk yang disediakan oleh pengurusan desasiswa untuk melaporkan sebarang aduan kerosakan.

Menurut Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Mohd Zain Dollah, pengurusan desasiswa tidak dapat mengambil sebarang tindakan yang efektif sekiranya para penghuni tidak melaporkan sebarang kerosakan ataupun masalah yang dihadapi.

"Penyelia asrama yang bertugas masih melakukan rondaan dari semasa ke semasa namun kadang kala terlepas pandang terhadap sesetengah kerosakan pada kemudahan yang disediakan. Sebagai penghuni, mereka harus bertanggungjawab melaporkan perkara ini untuk kebaikan bersama", katanya.

"Walaupun ServisDesk memberi peluang kepada penghuni untuk membuat aduan kerosakan dalam talian, namun sambutannya kurang memuaskan. Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) seharusnya mengambil tindakan untuk memberi pendedahan kepada penghuni mengenai kemudahan ServisDesk ini.

Menurut Nurul Illi Izyan Omar, Sains Farmasi 3, ServisDesk adalah mesra pengguna. Ia membantu penghuni untuk melaporkan aduan secara pantas dan memudahkan pihak pengurusan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

"Maklumat mengenai perkhidmatan ServisDesk bolehlah diuar-uarkan melalui laman facebook Usm Info Sharing Corner untuk tatapan siswa-siswi dari semasa ke semasa", tambahnya lagi.

Program keusahawanan PPKSP di Cameron Highland



MESRA ... Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal & Pembangunan Pelajar) Profesor Dr Adnan Hussein bersama isterinya memberi sokongan moral kepada siswa-siswi yang terlibat di dalam program Skim Asas Keusahawanan ini.

Oleh **NUR IZZAH ATIRA MUHAMMAD NAZMI**

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) telah menganjurkan program Skim Asas Keusahawanan pada 17-20 Oktober lalu di Cameron Hingland. Program selama tiga hari dua malam tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (TNCHEPP) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Adnan Hussein.

Objektif utama program tersebut ialah bagi mendidik siswa-siswi supaya bersikap kreatif dan juga berinovasi dalam bidang keusahawanan. Program ini melibatkan siswa-siswi daripada ketiga-tiga kampus iaitu Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan.

Profesor Adnan sewaktu merasmikan program tersebut menyatakan bahawa siswa-siswi perlu tanamkan semangat untuk meneroka sesuatu bidang atau perkara yang diminati dengan lebih mendalam agar ia memberi manfaat kepada diri sendiri.

"Saya ingin melihat seramai mungkin peserta daripada program ini menjadi usahawan yang berjaya. Siswa-siswi juga disarankan untuk peka mencari peluang yang ada untuk berniaga", katanya.

Mohamad Ezwan bin Jafri, Seni 3, berkata program ini ialah satu usaha yang cukup bagus untuk mewujudkan semangat keusahawanan dalam diri siswa-siswi. Program ini juga membuka minda siswa-siswi agar mencari peluang dalam menjana kewangan sendiri dan tidak bergantung kepada kerja makan gaji sahaja selepas bergraduasi.

Sejahtera Walk tampilkan kelainan

Sejahtera Walk anjuran Kampus Sejahtera dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Rancangan Khidmat Masyarakat (RKM), dan MySihat mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan siswa-siswi.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal), PPSPPA, Ir Hj. Sanusi Awi, program ini dapat memupuk kesedaran terhadap kebersihan alam sekitar. Kesedaran ini penting bagi mendidik masyarakat tentang kebersihan alam dan penggunaan sisa pepejal.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Universiti Sains Malaysia (USM), kerana berjaya menganjurkan program yang melibatkan penyertaan lebih daripada 500 siswa-siswi serta melahirkan sukarelawan yang tampil untuk menyokong usaha Kampus Sejahtera," kata beliau.

"Saya juga berharap koloborasi yang dijalinkan bersama USM bukan sahaja fokus ke arah memperincikan kajian dan pembangunan (R&D) sisa pepejal dalam inovasi inisiatif kampus hijau malah melahirkan warga kampus yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar seterusnya mentransformasikan minda masyarakat Malaysia ke arah persekitaran yang bersih dan sejahtera. Penglibatan siswa-siswi amat penting kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang," ujar beliau.

Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit, berkata Sejahtera Walk pada kali ini membawa kelainan dengan mengadakan gotong-royong sebagai sebahagian daripada program. Justeru, siswa-siswi yang menyertai program ini akan dibahagian kepada empat zon supaya memudahkan proses pembersihan dalam skala besar di sekitar USM.

Tambah beliau, Sejahtera Walk ialah inisiatif untuk melahirkan warga kampus yang sejahtera dan prihatin terhadap kebersihan universiti.

Menurut Noor Hafiqah Ahmad Subre, Sains Kimia 2, program ini harus diadakan secara berterusan kerana ia satu usaha untuk melahirkan warga kampus agar memimpin kelestarian serta memupuk semangat cinta akan universiti dalam kalangan siswa-siswi.



Sejahtera Walk ialah inisiatif untuk melahirkan warga kampus yang sejahtera dan prihatin terhadap kebersihan universiti.



Keusahawanan sebagai salah satu pilihan masa hadapan

Belia seharusnya menanam sifat keusahawanan dalam diri mereka dan bukar sekadar mengharapkan pekerjaan bergaji sahaja selepas bergraduasi. Mereka juga perlu menjadikan usahawan muda sebagai inspirasi untuk bekerja keras bagi mencapai kejayaan.

Pengarah Urusan jenama pakaian What Achievers Wear, Ahmad Syukran, berkata, untuk dirinya mencapai sehingga ke tahap sekarang, dia perlu bekerja keras dan tidak membiarkan perkara remeh melemahkan semangatnya dalam menjadi seorang pencipta. Melalui perniagaannya juga, dia mendapat peluang untuk berurusan dengan pelbagai pihak serta membina jaringan yang mampu mengkomersialkan perniagaanya.

"Apabila kamu menjadi seorang pencipta dan usahawan, ia mencabar diri kamu untuk menjadi individu yang lebih baik dan berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat", katanya semasa menyampaikan ceramah bagi program Youth Leaders Sharing Session di Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

Menurut Presiden Enactus USM, Henvy Khoo, tujuan Enactus mengadakan program ini adalah menggalakkan siswa-siswi memilih keusahawanan sebagai jalan untuk berjaya di dalam hidup. Tambahnya lagi, kisah kejayaan yang diberikan oleh panel-panel jemputan membolehkan pendengar mengetahui secara ringkas tentang dunia keusahawanan.

Lee Hao Jie, Ilmu Kemanusiaan, 1, berkata, program ini memberikan pelbagai maklumat yang sangat berguna terutamanya bagi siswa-siswi yang mahu memulakan perniagaan sendiri. Namun menurutnya lagi, siswa-siswi harus mengutamakan pelajaran mereka walaupun dalam masa yang sama menjadi ahli perniagaan.

Panel yang turut hadir memberikan ceramah dalam program ini ialah Pengarah Urusan EYE Project, Christopher Tock, Pengarah Playme, Alvin Ooi, Pengarah YouthToday, Jazz Tan dan Pengurus Pemasaran Great Eastern, Goh Ee Lin.

Persediaan rapi konvokesyen mudahkan graduan

Proses pengambilan jubah Upacara Konvokesyen ke-50 yang akan berlangsung pada 5 hingga 9 November ini berjalan dengan lancar. Proses tersebut dibuat secara berperingkat. Graduan perlu melalui proses pengesahan sama ada layak atau tidak untuk bergraduasi, mendapatkan surat jemputan dan mendapatkan jubah. 15% daripada 3,500 orang graduan tidak dapat menghadirkan diri.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Shahrizal Nazri, setakat ini tiada masalah berlaku semasa pengambilan transkrip. Namun, semua jabatan Universiti Sains Malaysia (USM) membuat persediaan sekiranya berdepan masalah ini. Graduan yang masih berhutang yuran pengajian tetap layak menghadiri upacara. Namun, mereka dihalang mengambil transkrip sehingga segala hutang dengan USM diselesaikan.

"Wakil graduan boleh mengambil jubah dan menyelesaikan keperluan graduan untuk bergraduasi tetapi mereka perlu sertakan salinan kad pengenalan dan butiran diri. Semua persediaan konvokesyen bertujuan mengurangkan birokrasi dan membantu graduan menyelesaikan proses yang mereka perlu lalui. ", tambahnya lagi.

Nurul Hazlin Imar, graduan Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan berkata, beliau berasa sangat seronok dan tidak sabar untuk bergraduasi. Semua staf memberi kerjasama sepanjang persediaan konvokesyen. Beliau juga berharap upacara konvokesyen berjalan lancar.

"Selepas ini, saya akan mula bertugas di Hospital Taiping", katanya.

NC: Bantu USM lahir siswa-siswi berminda global

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA** & **NABILAH MD ZOM**

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dato' Dr Omar Osman, melahirkan hasrat kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk membantu mencapai sasaran universiti melahirkan siswa-siswi berminda global melalui program-program yang dianjurkan.

Memetik kenyataan Prof Dato' Dr Omar Osman, MPP seharusnya menjadi platform dalam melahirkan siswa-siswi berminda global melalui perlaksanaan program-program peringkat antarabangsa.

"Hal yang paling utama adalah bagaimana jangkauan minda global ini perlu diperbaiki dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa dan saya mahu melihat lebih banyak program yang melibatkan perhubungan antarabangsa supaya ketiga-tiga kampus dilawati oleh pihak luar untuk dijadikan rujukan", ujar beliau.

Prof Dato' Dr Omar Osman menyatakan sasaran universiti adalah untuk menggandakan penglibatan siswa-siswi dalam program-program antarabangsa seterusnya membuka peluang kepada graduan USM memperoleh pekerjaan di peringkat antarabangsa.

Beliau juga menasihati MPP sidang 2014/2015 supaya lebih kreatif dalam menjana program-program yang bakal dianjurkan dan beliau melahirkan rasa bangga kerana majoriti program yang dianjurkan di USM diupayakan oleh siswa-siswi sendiri.

"USM terus mengorak langkah untuk diteladani dalam semua aspek dan saya berbangga di atas pencapaian MPP sidang 2013/2014 yang berjaya menganjurkan sebanyak 15 siri wacana ilmu dan hal ini secara tidak langsung telah memanfaatkan siswa-siswi", katanya.

"Kebajikan siswa-siswi perlu diutamakan tetapi biarlah kebajikan yang mahu dijaga itu relevan untuk dipenuhi. MPP juga diharapkan dapat memenuhi hasrat USM untuk mendapat pengiktirafan dan akreditasi di peringkat antarabangsa melalui sebarang program akademik yang dianjurkan", jelasnya lagi.



NAIB Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof Dato' Dr Omar Osman menyampaikan amanat kepada barisan MPP yang dilantik.

YDP MPP USM cipta sejarah

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM) sidang 2014/2015 mencipta sejarah baru dengan perlantikan Mohamad Syafiq Kamaruddin sebagai Yang Dipertua buat kali kedua.

Menurut Naib Canselor USM, Prof Dato' Omar Osman, tidak ada dalam sejarah MPP USM, Yang Dipertua dilantik buat kali kedua namun kali ini Mohamad Syafiq Kamaruddin telah mencipta rekod baru.

"Setakat ini, tidak ada dalam sejarah Yang Dipertua MPP USM dilantik buat kali kedua tetapi kali ini Syafiq Kamaruddin telah mencipta rekod baru buat julung-julung kalinya", ujar beliau.

Menurut Yang Dipertua MPP USM 2014/2015, Mohamad Syafiq Kamaruddin, keputusan untuk bertanding sekali lagi pada saat-saat akhir penamaan calon berikutan dorongan dan harapan daripada sahabat sekeliling yang mahu beliau menyandang jawatan ini sekali lagi.

"Persoalan layak ataupun tidak bukanlah terletak pada diri saya sendiri. Semuanya bergantung kepada penilaian dan kepercayaan barisan exco terhadap kepimpinan saya. Kita mempunyai banyak bakat untuk memimpin tetapi masalahnya adakah mereka ini bersedia untuk bertanding dan menjadi pemimpin", jelas beliau lagi.

Beliau berkata perancangan utama setelah rasminya perlantikan ini adalah untuk membentuk jawatankuasa baru seterusnya menstrukturkan semula dengan menambah dua jabatan baru dan menghapuskan jabatan-jabatan yang kurang penting.

"Cabaran yang dihadapi kami di barisan MPP sidang lepas ialah untuk memuaskan hati semua siswa-siswi, mengatasi masalah kewangan mereka serta menyelesaikan isu penempatan. Pastinya sidang ini cabaran tersebut akan cuba diselesaikan sebaik mungkin", katanya.

Syafiq melahirkan harapan supaya siswa-siswi USM dapat memberi maklum balas kepada barisan MPP yang baru dilantik mengenai sebarang cadangan atau kritikan supaya kepimpinan sidang ini lebih baik daripada sebelumnya.

Perlantikan MPP berjalan lancar

Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia sidang 2014/2015 telah berlangsung di Dewan Pembangunan Siswa 1, Kompleks Cahaya Siswa pada 29 Oktober 2014 yang lalu.

Penyampaian Watikah Perlantikan disempurnakan oleh Naib Canselor USM, Prof Dato' Dr Omar Osman. Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Prof Dato' Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan dan Pelajar), Prof Dr Adnan Hussein, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Muhamad Jantan, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dato' Dr See Ching Mey, Pendaftar USM, pegawai-pegawai utama universiti serta media.

Prof Dato' Dr Omar Osman menekankan tiga aspek yang perlu diambil perhatian oleh barisan MPP USM sidang 2014/2015 iaitu membentuk siswa-siswi berminda global, menyemarakkan budaya keusahawanan dan meningkatkan penguasaan komunikasi bahasa Inggeris dalam kalangan siswa-siswi.

"Saya berharap budaya keusahawanan dalam kalangan siswa-siswi dapat dipertingkatkan memandangkan tiada lagi jaminan pekerjaan di sektor awam mahupun swasta. Selain itu, kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris perlu dipergiatkan sebagai penanda aras USM seiring dengan kehendak global", katanya.

"Jadilah pemimpin yang baik dan jadikan budaya kepimpinan sebagai satu penanda aras dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan", ujarnya lagi.

Menurut Yang Dipertua MPP USM 2014/2015, Mohamad Syafiq Kamaruddin, Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan menjadi titik-tolak untuk menjalankan amanah yang diberikan oleh siswa-siswi.

"Sebagai seorang pemimpin, kita perlu membuktikan bahawa segala gagasan yang kita dokong boleh menjadi realiti dan bukan sekadar menabur janji kosong semata-mata. MPP seharusnya menjadi contoh kepada siswa-siswi tidak kira dalam aspek kepimpinan, pengurusan mahupun pencapaian akademik", jelasnya lagi.

Beliau juga menyarankan kepada barisan Exco MPP yang baru dilantik untuk bersyukur menjadi seorang pemimpin dan memikul amanah dengan sebaik mungkin.

Seramai 45 barisan Exco MPP USM sidang 2014/2015 yang dilantik secara rasminya iaitu 30 exco bagi Kampus Induk, 8 exco dari Kampus Kejuruteraan dan 7 exco dari Kampus Kesihatan.

MAJLIS TERTINGGI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2014/2015

YANG DIPERTUA Mohamad Syafiq Kamaruddin
NAIB YANG DIPERTUA I (INDUK) Mohamad Khairul Anam Masal
NAIB YANG DIPERTUA II (KEJURUTERAAN) Iskandazaqwan Zikrullah Zainudin
NAIB YANG DIPERTUA III (KESIHATAN) Zaid Abd Halim
SETIAUSAHA AGUNG Mazni Mohd Zuki
BENDAHARI KEHORMAT Nursyifa Shahida Bahrin

Kumpul kain rentang terpakai terap konsep Green Campus

Pengumpulan kain rentang (banner) terpakai menyokong usaha Sukarelawan Kampus Sejahtera, dalam memupuk budaya penggunaan semula produk dalam kalangan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit, program ini bukan sahaja menerapkan konsep kitar semula malah memberi peluang kepada penduduk Kampung Permatang Pauh, Seberang Perai untuk menjana pendapatan menerusi penghasilan produk kitar semula seperti beg dan kotak pensil.

"Sukarelawan Kampus Sejahtera turut membeli produk yang telah dihasilkan pada kadar harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran mengikut keperluan semasa bagi menyokong perusahaan kecil-kecilan," katanya.

Tambah beliau, setakat ini hanya satu tempat sahaja dikhaskan untuk pengumpulan kain rentang terpakai berhampiran Jabatan Pembangunan. Di samping itu, siswa-siswi juga boleh menghantar kain rentang terpakai ke pejabat Sekreteriat Kampus Sejahtera di Menara Sejahtera.

Menurut beliau, program ini masih tidak mendapat sambutan yang memuaskan. Justeru, Sukarelawan Kampus Sejahtera telah turun padang untuk mengumpul kain rentang terpakai yang dibiarkan selepas tamat tempoh sesuatu program bagi memudahkan penghantaran kain rentang terpakai secara kolektif untuk tujuan kitar semula.

"Siswa-siswi yang terlibat dalam program anjuran pusat pengajian, persatuan, kelab dan juga badan beruniform disarankan untuk menanggalkan kain rentang terpakai dan menghantarnya untuk proses kitar semula bagi merealisasikan inisiatif Sukarelawan Kampus Sejahtera bagi membudayakan kelestarian dalam kampus", jelas beliau.

Siswi raih Anugerah UEM

Oleh **NUR EMIRA RAZALI**

Kesusahan dan kesederhanaan hidup tidak menjadi halangan kepada anak seorang buruh ladang untuk cemerlang dalam pengajian sekaligus melayakkannya dinobatkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan, United Engineers (Malaysia) (UEM) 2014.

Siswazah Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM), Azura Abd Rahman, dinobatkan sebagai salah seorang penerima anugerah tersebut, sekaligus berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000 beserta sijil.

Menurut Azura, beliau tidak menjangka akan menerima anugerah ini kerana calon-calon lain juga tidak kurang hebatnya. Beliau juga amat bersyukur kerana usahanya telah membuahkan hasil.

"Projek Portable Lightweight Water Sampler for Various Water Bodies ialah alat untuk mengambil sampel air bagi kajian di makmal. Ia mampu mengambil sampel air pada setiap kedalaman yang dikehendaki di samping harganya yang berpatutan dan mudah dikendalikan selain diperbuat daripada bahan yang mampu mengekalkan keaslian dan kualiti sampel", jelas Azura.

Selain itu, Azura turut menambah bahawa di sebalik kejayaannya ini, terdapat cabaran yang dihadapinya iaitu kekangan masa kerana terpaksa berusaha menyiapkan draf awal projek tahun akhir dan pada masa yang sama perlu menyiapkan projek berkumpulan iaitu Integrated Design Project (IDP).

"Sokongan serta doa oleh ibu bapa serta para pensyarah yang tidak pernah berhenti memberi semangat dan tunjuk ajar sepanjang waktu menyiapkan kajian ini adalah dorongan utama di sebalik kejayaan saya", tambah gadis yang berasal dari Kuantan, Pahang ini.

Pada bulan April lalu, Azura telah berjaya mendapat Gold Award di dalam pertandingan International Engineering Invention and Innovation (i-ENVEX) 2014 yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Seterusnya, projek ini juga telah mendapat Anugerah Kreativiti dalam pertandingan Novel Research and Innovative Competition (NRIC) 2014 anjuran USM pada Ogos 2014.

"Sebagai perancangan masa akan datang, saya akan menggunakan peluang mengikuti latihan praktikal UEM Group iaitu Young Engineer Program (YEP) selama lima tahun sepenuhnya untuk meluaskan karier dan seterusnya sebagai persediaan menjadi jurutera profesional", jelasnya lagi kepada *Berita Kampus.*

UEM adalah sebuah syarikat berasaskan kejuruteraan dan kriteria utama untuk anugerah tersebut adalah projek kejuruteraan atau kajian yang memberi manfaat kepada masyarakat dan syarikat UEM sendiri.

KOMCA meriah dengan suasana kampung

Art of KOMCA jadikan perkarangan Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA) meriah dengan persembahan pentas, permainan tradisional dan jualan yang dianjurkan oleh Kumpulan Kesenian Adikarma baru-baru ini.

Menurut Pengarah Projek, Nur Izrin Fatin Abd Razak, program ini dijalankan untuk menghidupkan kembali suasana di KOMCA selain mengajak siswa-siswi pengunjungi KOMCA dan melakukan pelbagai aktiviti.

"Program seperti ini akan menarik siswa-siswi untuk bersosial secara sihat di dalam kampus sekaligus memanfaatkan kemudahan sedia ada dengan sebaiknya", katanya.

Persembahan pentas termasuk tarian tradisional seperti Zapin Tenglu, Inang Cik Minah Sayang, muzik dan teater disajikan, selain pengunjung berpeluang mencuba permainan tradisonal seperti congkak, sepak raga, dam haji dan teng-teng.

Art of KOMCA yang bertemakan kampung tampil dengan konsep santai, pengunjung yang hadir duduk di atas tikar menyaksikan persembahan sambil menjamu selera di gerai.

Nurul Fathin Ab Rahman, Seni 3, antara siswi yang mengambil peluang berniaga pakaian di gerai yang disediakan oleh penganjur.

"Ambil peluang berniaga di sini sangat berbaloi kerana satu meja hanya berharga RM20, pengunjung yang datang menyaksikan persembahan akan datang berkunjung di gerai", katanya.

SANTAI... Siswa-siswi hadir menyaksikan persembahan tarian oleh Kumpulan Kesenian Adikarma di perkarangan Kompleks Cahaya Siswa.



Format tugasan pengaruhi gred kerja kursus

Format tugasan adalah sangat penting kerana ia mempengaruhi gred kerja kursus. Selaras dengan itu, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan telah menganjurkan Program Bengkel Penulisan pada 1 November di Dewan Kuliah C, USM.

Bengkel Penulisan bertujuan membantu siswa-siswi khususnya siswa-siswi tahun satu untuk membuat tugasan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh setiap pusat pengajian. Bengkel ini menerangkan cara untuk membuat tugasan bermula dari proses memahami soalan, merangka isi tugasan, menyusun idea hingga proses menghasilkan tugasan.

Menurut Pengarah Projek Bengkel Penulisan, Nurul Sawani Abd. Halim, bengkel ini dapat membantu siswa-siswi untuk melakukan tugasan dengan baik dan secara tidak langsung dapat membantu mereka mendapat gred yang cemerlang untuk kerja kursus. Bengkel ini terbuka kepada siswa-siswi dari semua pusat pengajian.

"Format penulisan tugasan yang diketengahkan adalah format yang mengikut piawaian yang menepati kehendak dan digunakan oleh semua pusat pengajian iaitu format penulisan APA manual dan Harvard System", katanya.

"Seramai 130 peserta telah mendaftar untuk menyertai Program Bengkel Penulisan dan ini sesuatu yang tidak dijangka kerana pada tahun lepas bilangan peserta adalah sederhana kerana penyertaan hanya terbuka kepada siswa-siswi Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan sahaja. Selain itu, peserta yang berdaftar sahaja yang dibenarkan menyertai bengkel ini kerana penyertaan adalah terhad", jelasnya lagi kepada Berita Kampus.

Bengkel Penulisan ini dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga pengajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Cik Suziana Mat Yasin.

Menurut Nurul Asyiqin Mohd Suberi, Sains Kemasyarakatan 1, program ini sangat bermanfaat kepada siswa-siswi tahun satu yang sering kali menghadapi masalah kerana tidak tahu cara yang betul untuk membuat tugasan.

"Program ini membantu saya dalam melakukan tugasan kerana sebelum ini saya berasa takut dan tertekan kerana tidak tahu mencari maklumat dan cara untuk melakukan tugasan", katanya.

Menurut Harris Amran, Sains Kemasyarakatan 1, berasa teruja kerana dapat mengetahui cara yang lebih baik untuk membuat tugasan dan tips berguna untuk mendapat gred tugasan yang baik.

"Saya mengetahui program ini melalui kawan-kawan yang mengajak saya untuk menyertainya. Saya berharap program ini dijadikan sebagai sebuah program tahunan kerana program ini sangat membantu saya dan siswa-siswi yang lain", katanya.

Harapan Nurul Sawani Abd. Halim agar semua peserta yang menyertai bengkel penulisan ini mendapat maklumat yang disampaikan sepenuhnya agar mereka mendapat keputusan yang baik untuk tugasan mereka.

Kepimpinan terus digilap

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (AGM PERMATA) Induk telah diadakan di dewan Yayasan Terengganu, Terengganu.

Dengan objektif melahirkan siswa-siswi yang lebih berkaliber dan berkempimpinan seiring dengan slogannya 'Memahat PERMATA Idaman Mencipta Kilauan Gemilang', maka berlangsungnya perlantikan dan pembubaran ahli Majlis Tertinggi bagi sidang 2014/2015.

Ketua Penolong Pengarah (Tajaan) Yayasan Terengganu merangkap Penasihat PERMATA induk, Dr Haji Hashim Azmi Haji Che Noh berkata, penglibatan Menteri Besar Terengganu, Dato' Hj Ahmad Razif Abdul Rahman dalam komunikasi dua hala bersama siswa-siswi, khususnya PERMATA dilihat sangat positif berbanding sebelumnya.

"Kerajaan negeri Terengganu telah membelanjakan lebih daripada RM200 juta setahun bagi aktiviti berteraskan pendidikan menunjukkan kesungguhan bagi membantu para pelajar pada peringkat sekolah mahupun institusi tinggi. Namun, pencarian ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dalam diri para pelajar amat ditekankan bagi membentuk pelajar sekolah dan siswa-siswi yang cemerlang dan berkeyakinan", ujarnya lagi.

Pengarah Projek AGM PERMATA Induk, Ahmad Bazli Ab Latiff, menjelaskan AGM ini di bawah penaungnya iaitu Menteri Besar Terengganu dan 15 buah universiti telah terlibat.

Pemilihan calon yang melibatkan empat orang pengundi berlangsung pada jam 9.30 pagi tersebut penting bagi melantik pemimpin untuk menjaga kebajikan anak negeri dan laluan kerajaan salurkan bantuan kepada siswa-siswi.

Yang Dipertua PERMATA Induk, Rashdam Amirul Ashraf Roslan, berkata beliau berpegang pada slogan 'Transformasi Mahasiswa Terengganu' bagi memperbanyak dan menambahbaik program dan aktiviti-aktiviti sebelum ini bertunjangkan empat konsep iaitu pendidikan, kepimpinan, khidmat sosial, dan sukan kepada siswa-siswi.

"Program pertama yang akan dilakukan di bawah kepimpinan saya iaitu kem kepimpinan dalam pemantapan organisasi pada hari khamis ini. Kemudian, mesyuarat induk yang mana aktiviti-aktiviti dirancang bersama", katanya lagi.

Menurut Mantan Yang Dipertua, Mohamad Izuddin Mohd Ariffin, harapan beliau terhadap tampuk kepimpinan baru untuk terus bergerak selari dengan hasrat kerajaan negeri dan memperkemaaskan lagi organisasi di peringkat induk.

Berita Kampus seterusnya akan diterbitkan pada **Isnin, 24 November 2014.**

RCE Penang pamerkan warisan Malaysia di RCE Asia Pasifik

Oleh **NURHABIBAH NORDIN**

Pusat Serantau Kepakaran Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (RCE) Penang telah menganjurkan Program Projek Seni Sejahtera (PPSS) dan Telesidang Eco Summit 2014 (YES) pada 23 Oktober yang lalu. Program ini pertama kali dianjurkan oleh RCE Penang dan RCE Asia Pasifik (AP) bertujuan mewujudkan hubungan kerjasama dan mempamerkan warisan dan budaya masyarakat tempatan di Malaysia dan Asia Pasifik.

PPSS telah berlangsung di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia (USM). Program ini melibatkan seramai 50 peserta terdiri daripada pelajar tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan siswa-siswi USM.

Antara aktiviti yang telah berlangsung adalah melukis dan mewarna. Para peserta telah dibahagikan kepada kepada beberapa kumpulan untuk bekerjasama melukis dan mewarna di atas bahan yang telah disediakan seperti tempurung kelapa, tin kosong, bongkah kayu dan peralatan mewarna.

Bongkah kayu yang dibuat oleh anak-anak dari bandar RCE AP akan dipamerkan di dinding Agora di Pusat Sejahtera, Tongyeong, Korea Selatan. Hasil kraftangan ini akan menjadi simbol hubungan kerjasama antara AP RCE Penang dan RCE AP.



KEUNIKAN… Penanaman pokok di dalam kasut yang terbuang dihasilkan oleh peserta daripada SMK Dato' Onn Butterworth mendapat tarikan daripada RCE Australia.

"Melalui melukis dan mewarna di atas bahan yang disediakan itu akan memberi kesedaran kepada para peserta supaya memahami budaya dan warisan Malaysia. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mencungkil bakat peserta dalam menghasilkan karya mereka di atas bongkah dan tempurung kelapa", kata urusetia program, Ammar Aziz.

Manakala, YES pula telah berlangsung di Dewan Persidangan Universiti setelah PPSS berakhir. Telesidang ini melibatkan penglibatan daripada RCE Malaysia dan Barat Sydney, Australia.

YES merupakan program pendidikan secara global yang telah memenangi anugerah setiap tahun di Sydney, Australia. Di Australia, YES merupakan satu aktiviti kurikulum untuk pelajar sekolah dan guru-guru mereka. Program ini bertujuan mengasah bakat kepimpinan pelajar dan mempamerkan hasil pencapaian para pelajar di sekolah rendah dan menengah.

Telesidang yang berlangsung selama sejam ini telah memperlihatkan hasil karya peserta dari Australia dan Malaysia. Antara keunikan sepanjang pembentangan tersebut adalah peserta daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn Butterworth yang telah membentangkan hasil seni penanaman pokok dalam kasut terbuang.

"Kami telah belajar sesuatu yang baru iaitu kaedah penanaman yang strategik di Malaysia dan Australia. Program ini sewajarnya diteruskan supaya masyarakat sedar betapa pentingnya kaedah penanaman tersebut dan dapat mewujudkan hubungan kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan Australia", kata peserta daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Onn Butterworth, Muhammad Harith Rohairi kepada Berita Kampus.

Ke arah bebas beg plastik

Kempen 'Say No To Plastic Bag' telah dipergiatkan lagi dalam aktiviti Speaker Corner yang diadakan oleh Sekretariat Kampus Sejahtera pada 29 Oktober 2014.

Menurut Pengarah Projek Zero Waste Analysis, Nur Athirah, kempen tersebut ialah salah satu projek yang dilaksanakan di bawah kluster Zero Waste Kampus Sejahtera.

Nur Athirah berkata kempen ini dihidupkan semula kerana terdapat banyak kedai di Universiti Sains Malaysia (USM) telah mula menggunakan beg plastik.

Tambahnya lagi, kempen ini bertujuan untuk memupuk semangat untuk tidak menggunakan beg plastik.

"Saya ingin memupuk kembali semangat untuk tidak menggunakan beg plastik kerana semangat itu semakin pudar. Walaupun terdapat kedai-kedai yang menggunakan beg plastik, siswa-siswi harus tahu kesan negatif penggunaan beg plastik.

Apabila ditanya mengenai sikap siswa-siswi yang sanggup membayar 20 sen untuk beg plastik, dia mengharapkan agar Speaker Corner dapat memberi kesedaran pada siswa-siswi.

"Saya berharap kempen ini boleh memberi kesedaran kepada siswa-siswi kerana kita tahu bahawa penggunaan beg plastik ini adalah bahaya untuk alam sekitar. Kempen ini merupakan inisiatif untuk menghidupkan kembali kempen 'Say No To Plastic Bag' yang sudah lama dilaksanakan", katanya.

Renee Yong Shi Ling, Seni 2, berpendapat kebanyakan siswa-siswi mengetahui keburukan penggunaan beg plastik kepada alam sekitar, tetapi mereka tidak amalkan pengetahuan tersebut.

"Saya berharap kempen ini akan menjadi sebahagian daripada budaya USM dengan menjadikan kampus ini bebas beg plastik", jelasnya.

Sampah bukan sekadar sampah

Projek Zero Waste Analysis telah memberi peluang kepada pemilik kafeteria di Universiti Sains Malaysia (USM) untuk melibatkan diri dalam kempen kelestarian yang dianjurkan oleh Sekretariat Kampus Sejahtera (SKS).

Menurut Pengarah Projek Zero Waste Analysis, Nur Athirah, SKS telah mengumpul dan menyukat sisa makanan yang dikeluarkan oleh semua kafeteria di USM.

Tambahnya lagi, projek ini telah dilaksanakan di bawah kluster Zero Waste.

Nur Athirah menjelaskan bahawa objektif kempen ini adalah untuk melibatkan pengurus kafeteria di USM kerana kebanyakan aktiviti yang dilaksanakan sebelum ini tidak melibatkan mereka.

Katanya lagi, dalam masa dua hari, lebih daripada 500 kilogram sisa makanan yang telah dikumpul dari semua kafe di USM.

Apabila ditanya mengenai jumlah sisa makanan yang tinggi, Nur Athirah menjelaskan kepentingan sisa makanan tersebut.

"Sebenarnya tujuan utama kita adalah untuk melaksanakan projek biojisim. Aktiviti ini merupakan langkah pertama untuk kita mengetahui jumlah sisa makanan di USM. Kalau jumlah sisa makanan adalah banyak, maka ia boleh menampung proses biojisim dan mampu menjana kuasa elektrik", jelasnya.

Pemilik Pulau Mutiara Kafeteria di Desasiswa Aman Damai, Sharinah Abdul Majid berpendapat bahawa kempen ini bermanfaat kerana dia dapat mengetahui jumlah sampah yang dikeluarkan oleh kedainya.

"Dalam sehari saya membuang lima bungkus beg sampah. Apabila sampah-sampah itu ditimbang, saya mendapati bahawa berat sampah tersebut adalah 25 kilogram untuk 4 bungkus beg sampah sahaja", jelasnya.

Nur Athirah berkata Kampus Sejahtera telah menjalankan kempen ini sepanjang bulan Oktober dan berhasrat untuk meneruskan kempen ini pada masa yang akan datang.

Perniagaan sebelum merdeka masih kekal hingga kini

Lorong-lorong di George Town kian dipenuhi kebingitan bunyi deruan kenderaan dek kepesatan bandarnya. Hasil seni di setiap dinding dan budaya yang pelbagai dipraktikkan oleh penduduk sekitarnya begitu unik. Di samping itu, hampir majoriti masyarakatnya menjalankan aktiviti berniaga. Sungguhpun kebanyakan perniagaan berkonsepkan moden, namun masih wujud perusahaan tradisional yang menggunakan sentuhan tangan daripada sebelum Malaysia mengecapi kemerdekaan sehinggalah sekarang.

Tidak dinafikan bahawa penggunaan alat moden adalah sangat memudahkan dan membuahkan hasil yang banyak. Namun masih ada pelanggan yang memerlukan perkhidmatan hasil tangan secara tradisional. Tambahan lagi, teknologi semakin mempengaruhi kehidupan manusia kini.

Minat pelanggan kepada produk keluaran tradisional ini menunjukkan kemahiran yang tinggi dalam menghasilkannya. Hal ini dibuktikan oleh perniagaan warisan keluarga iaitu ‘Yeoh Stonemason and Tombstone Engraver’ dan ‘Raju Indian Goldsmith’ masih kekal hingga kini. Bahkan, perniagaan mereka bertahan sehingga generasi yang keempat. Yeoh Gim Huat menjaganya dengan baik bagi memberi penghargaan kepada moyangnya yang datang daripada China ke Tanah Melayu. Begitu juga M. Raju A/L Murugesen moyangnya datang daripada Tamil Nadu, India.

″Sebelum ini ramai tenaga kerja diperlukan. Namun sekarang, hanya seorang sudah mencukupi kerana ada bantuan mesin dan saya hanya melakukan ukiran di akhir proses pembuatan″, menurut Yeoh.

Keterangan Yeoh ini menunjukkan bahawa teknologi membantu mempercepatkan proses keluaran. Namun begitu, kualiti hasil tangan masih terjaga apabila beliau mengenakan sentuhan akhir dengan menghias salutan emas pada ukiran batu. Kehalusan dan perincian ukiran bukanlah satu kemahiran yang mudah dicari dalam setiap orang kerana bakat tersebut hanya ada pada orang tertentu.

Ketelitian dan semangat ini sedikit sebanyak hampir sama ada pada Raju. Jika Yeoh menggunakan mesin untuk memotong batu, Raju juga mempunyai mesin untuk membentuk emas mengikut kehendak dan permintaan pelanggannya. Mesin tersebut dimiliki beliau ketika zaman British lagi. Sebelum kehadiran mesin ini, beliau menggunakan tangan sepenuhnya. Kini, hanya proses tertentu sahaja memerlukan sentuhan tangan beliau.

Perniagaan Raju dan Yeoh berjaya kerana mereka menghasilkan pelbagai bentuk produk keluaran mengikut kehendak pelanggan. Bagi membuat batu nisan, ia mengambil masa lima hari hingga sebulan untuk menyiapkannya. Harganya pula dalam lingkungan RM300 dan boleh mencecah lebih daripada RM10 000 mengikut jenis batu yang digunakan sama ada dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang atau Itali. Hasil kerja yang unik ini telah mendapat tempahan dari dalam dan luar negara seperti Thailand dan Indonesia.

Raju pula bukan hanya bergantung kepada permintaan pelanggan untuk membuat bentuk emas sahaja. Beliau mendapat tempahan daripada kedai emas dan pelanggan untuk membaiki emas yang rosak. Beliau mendapat kepercayaan daripada pelanggannya.

Dalam berniaga, sememangnya para peniaga tidak dapat mengelak daripada asam garam iaitu persaingan antara peniaga. Walaupun masih ada pelanggan yang meminati hasil kerja tangan, namun permintaan semakin mengecil kerana peningkatan teknologi yang memodenkan proses pengeluaran.

Tiada penyambung perniagaan warisan ini juga menjadi salah satu cabaran dan kekangan. Keadaan ini boleh dilihat apabila anak-anak perempuan Yeoh lebih memilih kerjaya lain kerana persepsi bahawa bidang ini tidak sesuai diceburi wanita. Raju pula menghadapi kekangan apabila tiada penyambung perniagaannya di Malaysia kerana keluarganya berada di India.

Kemahiran tradisional ini seharusnya diteruskan dan didedahkan kepada generasi baharu. Generasi baharu yang dimaksudkan bukanlah hanya perlu ditujukan kepada ahli keluarga pemilik sahaja, tetapi melibatkan anak muda di Malaysia. Penyaluran ilmu dan kemahiran ini mampu membuatkan masyarakat negara ini lebih mengerti dan menilai sejarah serta warisan yang sepatutnya dipelihara bagi generasi akan datang.





[KANAN] Sibuk..M.Raju melayan pelanggan yang mengunjungi kedai emasnya untuk membuat tempahan.
[KIRI] Tekun.. Yeoh menunjukkan teknik mengukir batu yang dipraktikkannya.

PAPA penjamin kelestarian warisan budaya

> “Sebelum ini ramai tenaga kerja diperlukan. Namun sekarang, hanya seorang sudah mencukupi kerana ada bantuan mesin dan saya hanya melakukan ukiran di akhir proses pembuatan”
>
> Yeoh Gim Huat, Pemilik Yeoh Stonemason and Tombstone Engraver

Seni warisan budaya adalah identiti kepada sesebuah negara. Untuk mengelakkan kehilangan seni warisan, Penang Heritage Trust (PHT), satu badan bukan kerajaan yang aktif di Pulau Pinang telah melancarkan Penang Apprenticeship Program Artisan (PAPA).

PAPA dilancarkan untuk mempromosikan secara aktif warisan budaya yang kian hilang. Program ini bertujuan mengekal dan membangunkan kemahiran warisan budaya yang seterusnya akan disalurkan melalui satu sistem latihan. Selain itu, program ini juga bertujuan membantu dalam pemasaran dan peningkatan pendapatan supaya ia menjadi satu pilihan kerjaya yang mampu menarik perhatian golongan muda.

Program ini memberi peluang kepada penggiat seni warisan untuk menurunkan ilmu, kemahiran serta teknik yang dimiliki secara turun temurun kepada perantis yang berminat. Penggiat seumpama mentor yang akan memberi tunjuk ajar kepada perantis yang akan memastikan kelestarian seni warisan budaya ini.

Program ini terbahagi kepada tiga jenis latihan iaitu jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. Latihan jangka pendek terdiri daripada kursus membuat muka kasut manik dan anyaman rotan yang melibatkan tiga sesi latihan. Latihan jangka pertengahan pula ialah latihan seni asas manik kaum Nyonya yang melibatkan 10 hingga 12 sesi. Latihan jangka panjang pula melibatkan seni ukiran kayu yang memakan masa selama enam sehingga 12 bulan.

Bakal perantis yang berminat boleh memilih latihan pilihan masing-masing. Jumlah sesi dan masa yang diperuntukkan bergantung kepada kerumitan kemahiran yang perlu di ajar. Sesi latihan akan dijalankan di kawasan rumah kedai penggiat seni warisan kerana mereka telah ditempatkan secara individu di kawasan tumpuan sekitar George Town. Kemudahan untuk sesi latihan dijangka akan ditempatkan di bahagian atas premis jika penggiat seni warisan atau perantis memerlukannya.

PAPA juga mempunyai bengkel yang terbuka kepada orang ramai untuk dikunjungi di 66 Acheen Street. Menurut Mr. Tan Yan Qian, Pegawai Pentadbiran PHT, bengkel ini menempatkan hasil karya penggiat seni warisan untuk tatapan dan jualan kepada pengunjung.

GTWHI galas tanggungjawab kekalkan warisan dunia

Pelbagai langkah telah disusun untuk memastikan George Town kekal sebagai bandar warisan terpelihara. Tanggungjawab untuk mengurus, memantau dan mempromosikan Bandar George Town digalas oleh George Town World Heritage Inc. (GTWHI). Usaha dari pelbagai sudut dilakukan termasuklah melalui pendidikan, pemantauan dan perancangan serta projek khas.

George Town tapak yang kaya dengan koleksi bangunan bersejarah, bahasa, pentadbiran dan agama yang dibangunkan oleh peneroka perdagangan Eropah di bawah Syarikat Hindia Timur dan kemudian penjajah British. Pendatang sebahagiannya terdiri daripada pedagang yang berdagang di laluan India-Cina.

Perniagaan Yeoh Gim Huat sebagai tukang batu dan M. Raju A/L Murugesen sebagai tukang emas adalah di antara perniagaan warisan turun temurun yang ada di George Town.



Halus..antara koleksi ukiran batu yang terdapat di bengkel Yeoh.

PENDIDIKAN

Beberapa siri Ceramah dan Seminar telah dijalankan, selain melalui Kopi Conversations yang membincangkan perkara seperti warisan, pemuliharaan, budaya dan isu-isu yang penting di George Town. Malah GTWHI juga menjalankan Eksplorasi Warisan yang melibatkan lawatan khas untuk kanak-kanak sekolah, yang dilakukan oleh sukarelawan Warisan Friends of George Town.

Bengkel Pembangunan Insan ialah bengkel pakar untuk mengembangkan profesional dalam bidang pemuliharaan dan pengurusan warisan. Ia juga mengadakan bengkel asas untuk mengembangkan individu yang berminat tentang warisan.

GTWHI serius dalam usaha untuk mengekalkan warisan dunia selari dengan pembangunan bandar, mengekalkan keunikan yang menjadi tarikan pelancong serta perniagaan warisan.

PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN

Sebahagian besar daripada apa yang telah lakukan di GTWHI adalah memastikan prinsip-prinsip pemuliharaan dipatuhi. Selain itu, GTWHI telah bekerjasama rapat dengan Majlis Perbandaran George Town dan menyelaraskan usaha antara badan-badan awam dan swasta bagi memastikan pengurusan kolektif tapak dan untuk memastikan nilai-nilai sejagat tidak terjejas.

Klinik Warisan untuk Pemilik Bangunan pula adalah rundingan percuma untuk pemilik bangunan warisan yang ingin memulihkan dan menguruskan premis mereka di dalam Tapak Warisan Dunia George Town. GTWHI menyediakan klinik khusus kepada pemilik bangunan warisan seperti Yeoh dan Raju.

PROJEK KHAS

GTWHI menyelaras dan menyelia projek untuk meningkatkan pengetahuan warisan dan mengembangkan kemampuan dalam kalangan pengamal dan masyarakat. Antara projek dijalankan hasil perkongsian awam-swasta ialah;

i. Projek Dokumentasi Sejarah Lisan ialah komponen penting dalam usaha yang berterusan untuk mendokumentasi sejarah sosial serta menambah pengetahuan dan kesedaran orang ramai.

ii. Way Finding System ialah projek kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Perbandaran Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. untuk menyediakan sistem penunjuk arah lokasi premis warisan.

George Town ialah contoh yang luar biasa dari kota-kota perdagangan multi-budaya di Asia Timur dan Asia Tenggara kerana kita dapat melihat pertukaran peradaban dalam budaya, perdagangan dan perniagaan yang melibatkan Melayu, Cina, India dan budaya Eropah.

Masyarakat digesa bersama-sama dalam mengurus pertumbuhan dan kemajuan seni budaya di Tapak Warisan Dunia George Town demi mencapai pertumbuhan yang mapan dan menjadi bandar warisan yang benar-benar hidup.

SENARAI 23 PERNIAGAAN WARISAN OLEH GTWHI

1. Pengukir papan tanda
2. Pemotong meterai dan kaligrafi Cina
3. Tukang pembuat kertas persembahan
4. Pastri roti (tart kelapa)
5. Pembuat kou tong pak dan ham chim
6. Kapuk bantal dan pembuat tilam
7. Pemanggang kopi
8. Penganyam rotan
9. Tukang batu dan pengukir batu nisan
10. Pembuat kasut (kasut manik Nyonya)
11. Penjual peralatan dapur tradisional
12. Pembuat dan penjual wangi-wangian
13. Pencetak dan penjilid buku
14. Pedagang rempah
15. Penjual barang agama Hindu dan peralatan dapur India
16. Tukang emas India
17. Pembuat songkok
18. Dewan perubatan tradisional Cina
19. Penjual nasi kandar
20. Pembuat kalungan bunga
21. Pengurup wang dan peniaga numismatik
22. Peniaga sarung dan tekstil
23. Penerbit buku Islam

Melaka dan George Town bandar bersejarah Selat Melaka UNESCO

UNESCO ialah sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan pada 1945. Tujuan penubuhannya bagi menyumbang ke arah kedamaian dan keselamatan dengan mempromosikan kerjasama antarabangsa melalui bidang kebudayaan, pendidikan dan kesusasteraan. UNESCO juga membantu menjaga warisan lama tinggalan sejarah di seluruh dunia agar lebih terpelihara dan berkekalan.

Pada 7 Julai 2008, Melaka dan George Town telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Ini adalah kali pertama tapak-tapak kebudayaan di Malaysia tertulis dalam Senarai Warisan

George Town dan Melaka tertulis bersama-sama sebagai Bandaraya Bersejarah Selat Melaka, dan kedua-duanya menjadi bukti kepada abad perdagangan maritim yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas rantau ini.

George Town ialah kota pelabuhan British yang pertama di sepanjang Selat Melaka yang ditubuhkan pada 1786 oleh Francis Light atas nama Syarikat Hindia Timur.

Pembangunan George Town pada abad pertama selepas penubuhannya boleh dikaitkan dengan semangat berani dan keusahawanan masyarakat pendatang awal ditemui di George Town yang menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat untuk mencari nafkah dan memulakan hidup baru.

UNESCO mengakui kota sebagai satu contoh yang luar biasa dari bandar-bandar kolonial bersejarah di Selat Melaka yang menunjukkan penggantian pengaruh sejarah dan budaya yang berasal dari fungsi mereka dahulu sebagai pelabuhan perdagangan yang menghubungkan Timur dan Barat.



TEKNIK melembutkan emas antara proses awal penghasilan barang kemas secara manual.

Contoh yang luar biasa dari kota-kota perdagangan multi-budaya di Asia Timur dan Asia Tenggara, barangan dari pedagang dan pertukaran dari Melayu, Cina, dan budaya India dan tiga kekuatan berturut-penjajah Eropah selama hampir 500 tahun, masing-masing dengan cetakan ke atas seni bina, teknologi dan seni binaan tugu.

Ia bukti warisan pelbagai budaya dan tradisi Asia, dan Eropah. Pengaruh kolonial menjadikan refleksi campuran pengaruh yang telah mencipta seni bina yang unik, budaya dan seni Bandar.

George Town ialah bandaraya yang ketiga terbesar di Malaysia dengan bilangan penduduk melebihi 700,000 orang. Bandar satelit George Town termasuklah Air Itam, Bayan Lepas, Gelugor, Jelutong, Sungai Dua, Sungai Nibong, Tanjung Tokong dan Tanjung Bungah.

George Town pernah menjadi bandaraya terpenting di Semenanjung Malaysia dengan memainkan peranan sebagai pusat kewangan dan pelabuhan, iaitu sebelum pembangunan Kuala Lumpur.

Ia juga menjadi bandaraya tertua di Malaysia selepas Ratu Elizabeth II memberikan status bandar raya pada 1 Januari 1957.

Pihak berkuasa tempatan bagi Bandaraya George Town adalah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang telah ditubuhkan pada 1976, bagi menggantikan Majlis Bandaraya George Town. Pusat bandar George Town menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Layang-layang terbang tinggi

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Aku keluar dari kereta. Terasa sepoi-sepoi angin menolak rambutku. Aku teruskan perjalanan ke tepi pantai untuk menikmati keindahan ciptaan Tuhan. Melihat kanak-kanak duduk di atas tembok sambil menikmati aiskrim.

Aku terus berjalan di persisiran pantai melihat air laut surut perlahan-lahan. Aku melihat ada satu kelompok masyarakat sedang bersiap sedia untuk melakukan aktiviti pada waktu petang itu. Ada yang berjalan bersama keluarga, ada yang bersenam bersendirian dan paling menarik minatku adalah ada beberapa orang sedang bersiap sedia untuk meluncurkan layang-layang.

Aku mendekati seorang pak cik berbangsa Cina yang duduk di hujung tembok. Aku melihat dia tekun bersiap untuk meluncurkan layang-layangnya. Sedikit demi sedikit dia cuba untuk menaikkan layang-layangnya ke udara. Akhirnya berjaya.

Kelihatan beberapa lagi orang sedang menaikkan layang-layang. Tiba-tiba aku melihat pak cik Cina tersebut menarik tali layang-layang dengan laju dan kuat. Tergamam aku kerana tidak pernah melihat orang bermain layang-layang dengan bersunguh-sungguh.

"Aiya. Tali sudah putus", katanya.

Aku mendekati pak cik Cina untuk berbual dengannya.

"Kenapa putus tali uncle?", aku bertanya.

"Tadi ada orang kasi putus tali layang-layang saya", jelasnya kepada aku.

Ang Hock Leng namanya.

Aku terus berbual dengannya bertanyakan tentang layang-layang. Dia menjelaskan kepada aku terdapat tiga jenis layang-layang yang biasa digunakan. Layang-layang kangkang, ikan, dan pari. Itulah layang-layang yang sering digunakan untuk bermain pada waktu petang di kawasan sekitar Sungai Pinang.

Menurut pak cik Ang, cara bermain layang-layang ini adalah memutuskan tali lawan dan setiap hari mereka akan main layang-layang kecuali hari hujan.

"Dahulu kanak-kanak sahaja yang bermain layang-layang tetapi sekarang orang dewasa juga turut bermain", jelasnya lagi.

Aku pergi ke seberang jalan pula.

Kelihatan ada satu lagi kelompok bermain layang-layang. Aku mendekati. Seorang pembantu doktor di klinik haiwan juga bermain. Steven Fernandes, 30 berkata bermain layang-layang ini adalah sebab hobi sejak berumur sembilan tahun lagi.

"Saya bermain layang-layang kerana kesihatan", katanya.

Main layang-layang ini akan menguatkan tangan dan melatih otak untuk berfikir bagaimana nak memotong tali layang-layang lawan. Kanak-kanak sekarang kebanyakannya tidak meluangkan masa untuk bermain di padang pada waktu petang dan mereka hanya akan menghadap komputer ataupun telefon pintar. Teknologi sekarang tidak membantu kanak-kanak untuk mengembangkan otak malah tidak pandai bermasyarakat berbanding kanak-kanak zaman dahulu.

"Saya rasa kanak-kanak sekarang tidak pandai untuk membuat layang-layang sendiri kerana mereka tidak didedahkan permainan tradisional", kata Steven.

"Saya buat sendiri sahaja layang-layang ini kerana tidak banyak kedai yang menjual di Pulau Pinang", jelasnya lagi kepada aku.

Steven berharap permainan layang-layang ini perlu dikormesialkan dengan lebih meluas kerana permainan tradisional seperti ini semakin dilupakan kerana arus teknologi yang semakin maju. Mungkin pada masa akan datang pihak kerajaan boleh mengadakan pertandingan layang-layang.

Aku kagum melihat mereka bermain layang-layang untuk kesihatan dan secara tidak langsung mereka sedang memelihara permainan tradisional yang semakin dilupai.

Aku terus melihat mereka bermain layang-layang.



[ATAS] **KREATIF**...(dari kiri) layang-layang pari, kangkang, dan ikan antara jenis layang-layang yang selalu digunakan untuk bermain pada waktu petang.
[BAWAH] **STEVEN**...bersama layang-layang kangkang hasil kerja tangan sendiri.



Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Darah merah pekat keluar memenuhi tiub lutsinar yang diletakkan di bahu pesakit. Sambil darah tersebut keluar, pesakit diurut bagi memastikan kelancaran peredaran darah .

Setelah itu, ramuan herba diberikan kepada pesakit selepas sesi rawatan dibuat. Sementara itu, di luar bilik rawatan, para pelanggan menunggu giliran mereka untuk dibekamkan atau membuat rawatan burah (membuang resdung).

Pemilik Pusat Tradisional Al- Ikhlas, Anita Mohamad Yahya bersama suami, Amirudin Musanif, sudah berkecimpung dalam dunia perubatan tradisional semenjak awal perkahwinan mereka. Hasil tunjuk ajar daripada nenek semenjak berada di Tingkatan 1, Anita mampu untuk menggunakan kemahiran berbekam bagi membantu ahli masyarakat yang ingin mendapatkan rawatan bekam. Usia perniagaan mereka yang sudah mencecah empat tahun membuktikan kesungguhan untuk menjadikan perniagaan rawatan tradisional mereka terkenal.

Bermula dengan perawatan bekam di rumah, mereka kerap didatangi oleh individu yang ingin tahu tentang amalan berbekam dengan lebih lanjut.

Pada mulanya, terdapat keraguan dalam kalangan pelanggan yang datang membuat rawatan berbekam di rumah disebabkan usia Anita yang agak muda, menyebabkan mereka kurang keyakinan dalam kemahirannya, terdapat juga pelanggan yang meminta bukti kukuh dalam bentuk sijil pengiktirafan.

Memandangkan Anita belajar berbekam daripada neneknya, beliau tidak terfikir untuk menjalani sebarang kursus kemahiran berbekam, namun bagi memenuhi permintaan para pelanggannya beliau telah berjaya mendapatkan sijil pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan menambahkan pengetahuannya dalam bidang perubatan tradisional.

Mutu perkhidmatan mereka yang baik mula tersebar luas dalam kalangan masyarakat Kluang. Akibat jumlah pelanggan yang semakin meningkat membuatkan Anita dan suami akhirnya membeli sebuah kedai di Kluang pada tahun 2010 sebagai pusat merawat pesakit mereka.

Ternyata tindakan mereka untuk membuka kedai mendatangkan manfaat kerana memudahkan urusan rawatan dan mampu menambah pendapatan untuk menyara tiga orang anak yang masih belajar.

Memandangkan Amirudin mempunyai pekerjaan tetap sebagai juruteknik di Country Club, Kluang, beliau hanya boleh menjalankan rawatan bekam untuk lelaki pada hujung minggu dan selebihnya diuruskan oleh Anita.

Daripada proses mengambil tempahan, menjalankan rawatan, memberi khidmat nasihat kepada pelanggan sehinggalah rawatan susulan dilakukan olehnya sambil dibantu oleh dua orang



TEKUN.... En. Amir memastikan 'cup' bekam diletakkan di titik yang betul sebelum darah disedut keluar.

Bekam: kaedah selamat keluarkan toksin daripada tubuh



TOKSIN...darah kotor dikeluarkan melalui teknik berbekam.

pekerja. Tiada erti letih dan penat dalam kamus hidup Anita kerana perniagaannya memberikan satu kepuasan dalam dirinya.

"Antara pesakit yang datang mendapatkan rawatan ialah mereka yang menghadapi penyakit berpanjangan seperti diabetes, darah tinggi, sakit buah pinggang dan strok. Saya akan mencadangkan untuk mereka melakukan bekam membuang toksin bagi mengeluarkan segala darah kotor dan angin yang menyakitkan tubuh badan mereka", katanya.

Tambah Anita lagi, mereka tidak menerima permintaan untuk menjalankan rawatan bekam bagi pesakit yang mempunyai penyakit HIV, penyakit kulit berjangkit dan Hepatitis B bagi mengelakkan jangkitan tetapi mereka akan menyediakan bahan -bahan untuk berbekam dan memberi tunjuk ajar kepada ahli keluarga pesakit bagi menjalankan rawatan tersebut di rumah mereka.

"Pesakit HIV yang menjalani rawatan bekam di rumah memberikan maklum balas positif apabila tubuh mereka semakin ringan dan lenguh-lenguh berkurangan. Hal ini telah membuktikan keberkesanan rawatan bekam terhadap penyakit kronik", jelasnya lagi.

Pelanggan lain juga memberikan maklum balas yang positif tentang mutu layanan dan harga perkhidmatan mereka. Menurut pelanggan tetap, Aiman Abdullah, Pusat Rawatan Al-Ikhlas menyediakan rawatan yang mesra pelanggan dan mudah untuk diikuti mengikut fleksibiliti masa pelanggan. Harga yang berpatutan juga menyebabkan beliau sering mendapatkan rawatan di Kluang walaupun menetap di Johor Bharu.

Proses rawatan bekam bermula dengan urutan badan secara ringkas selama 5 minit bagi melancarkan peredaran darah di dalam badan. Biasanya, bahagian yang diurut adalah pada pinggang dan bahu pesakit. Setelah itu, bekam angin dilakukan selama 15 minit dengan 'cup' khusus. Bekam angin ini bertujuan bagi membuang angin serta melegakan lenguh tapi melukai kulit. Seterusnya, kulit pesakit akan dicucuk dengan jarum khas bagi membolehkan darah mengalir sebelum ditekup oleh 'cup'. Apabila darah mula memenuhi 'cup' selama 10 minit, 'cup' tersebut akan ditarik dan minyak but-but disapu bagi mengurangkan lebam kemerahan pada kulit. Lebam tersebut biasanya mengambil masa 3 hingga 7 hari untuk hilang sepenuhnya dan pelanggan dinasihatkan untuk tidak memakai pakaian yang tidak menyerap peluh sepanjang tempoh tersebut.

Terdapat beberapa larangan sebelum menjalani rawatan bekam. Antaranya, ialah berbekam selepas makan dan selepas mandi kerana dikhuatiri akan menyebabkan kekejangan pada bahagian tubuh semasa berbekam. Selain itu, pesakit yang sedang menghadapi leukimia, hamil ataupun lelah tidak digalakkan untuk berbekam bagi mengelakkan sebarang kesan sampingan.

Proses berbekam dilakukan pada titik-titik tertentu di tubuh badan seperti kepala, urat di kedua-dua sisi leher, bahu, pinggul dan betis kerana bahagian-bahagian tersebut mengandungi saraf utama tubuh dan mudah terkena penyakit. Misalnya, berbekam di bahagian kepala boleh merawat epilepsi, pening, gangguan emosi, telinga berdengung dan sinusitis. Titik-titik ini ialah menurut sunnah Nabi Muhammad S.A.W dan masih diamalkan sehingga kini.

Antara peralatan yang digunakan semasa berbekam ialah 'cup' dan pam vakum. Kapas yang mempunyai alkohol akan digunakan untuk mensterilkan kawasan yang akan dibekam. Jarum yang dipakai pula ialah jarum khusus yang sangat halus dan pakai buang. Mereka juga mengutamakan kebersihan dengan menggunakan sarung tangan getah semasa sesi rawatan untuk mengelakkan jangkitan kuman pada luka berbekam.

Tempoh rawatan yang diperuntukkan untuk pesakit adalah menurut keadaan penyakit mereka. Jika mereka menghidap penyakit yang kritikal dan memerlukan rawatan susulan, disyorkan untuk berbekam sebanyak seminggu sekali ataupun dua minggu sekali. Bagi pesakit yang tidak mempunyai penyakit kronik dan berbekam hanya untuk mengurangkan lenguh dan sakit sendi badan, mereka disyorkan untuk berbekam sekali dalam sebulan. Had umur yang diperuntukkan bagi pesakit yang ingin berbekam ialah 17 tahun dan ke atas.

Ketika ditanya tentang perancangan masa depan perniagaan beliau, Anita bercadang untuk menambah khidmat spa, rawatan sauna dan mandi lulur di kedainya. Hal ini bagi memenuhi permintaan pelanggan yang mahukan rawatan kecantikan selain daripada merawat tubuh mereka. Jika perkhidmatan tambahan tersebut diterima ramai, beliau berharap akan membuka cawangan di tempat lain bagi memastikan rawatan bekam ini dapat dijalani oleh lebih ramai individu dan mempromosikan rawatan kesihatan pada harga yang berpatutan.

Tempahan bagi khidmat berbekam boleh dibuat melalui laman Facebook Bekam/Resdung sehari lebih awal sebelum sesi rawatan. Harga bagi satu sesi rawatan berbekam dan rawatan resdung ialah RM50.



Mengamalkan etika menaiki bas dengan betul mampu memupuk minda kelas pertama di kalangan siswa-siswi.

Memupuk minda kelas pertama

Oleh **NUR FARZANA JASMI**

Segelintir siswa-siswi hari ini mempunyai pendidikan kelas pertama cemerlang dalam pembelajaran dan pemikiran kritis dalam mengaplikasi teori dan formula yang kritikal. Namun, pada realitinya, pendidikan yang diterima hanya diaplikasi di atas kertas, tetapi tidak dalam kehidupan seharian.

Pendidikan kelas pertama yang diterima golongan ini tidak menunjukkan sikap yang juga berstatus kelas pertama. Pemikiran yang tidak selari dengan kecemerlangan akademik menggambarkan mereka masih di takuk lama, di mana mereka masih tidak mencapai piawaian dalam memupuk minda kelas pertama seiring dengan pencapaian yang diraih.

BERNAMA pada 4 Mac 2013 melaporkan bahawa sebahagian daripada masyarakat gagal menggunakan kuasa pemikiran mereka yang sebenar dan seimbang dengan kedudukan pemikiran masyarakat yang boleh dianggap maju dan bertamadun. Adakah sebahagian siswa-siswi juga tergolong dalam kategori tersebut?

Masih ada siswa-siswi yang lebih mengutamakan pencapaian akademik dari perihal sekeliling. Fokus terhadap akademik bukanlah suatu alasan untuk tidak memikirkan dan mengabaikan keadaan sekeliling hingga dilihat terlalu mementingkan diri sendiri.

Sikap mementingkan diri sendiri kerap berlaku dalam kalangan siswa-siswi demi kesenangan tanpa memikirkan risiko atau kesan buruknya pada individu lain. Masalah bekalan elektrik yang terputus dan kegagalan fungsi soket plug sering berlaku di kebanyakan desasiswa. Keuzuran sesetengah desasiswa bukanlah punca utama masalah ini berlaku. Kedegilan sesetengah penghuni melanggar peraturan membawa barangan elektrik yang dilaranglah yang telah menyusahkan di samping mengundang ketidakselesaan penghuni lain dalam menjalankan rutin harian mereka.

Meskipun kerap kali pembaikan dilaksanakan oleh pengurusan desasiswa, sebenarnya masalah itu berpunca daripada sikap penghuni yang sambil lewa, tidak mampu berfikir panjang dan mementingkan diri sendiri. Setiap desasiswa telah menetapkan peraturan larangan membawa barangan elektrik tertentu, namun keingkaran penghuni telah mengundang masalah kepada diri sendiri. Hal ini berpunca daripada penghuni yang menggunakan satu soket plug dengan pelbagai alatan elektrik yang mempunyai kilowatt tinggi.

Pelbagai usaha pengurusan desasiswa dilakukan untuk mengekalkan kecantikan dan kebersihan desasiswa. Pengurusan desasiswa telah mengambil inisiatif dengan menampal notis di pantri, tetapi malangnya notis-notis ini hanya dipandang sepi oleh siswa-siswi.

Menurut Pengerusi Rakan Integriti Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (RIMUSM), Azlinda Razak, masalah ini timbul dari sikap siswa-siswi itu sendiri yang tidak mempunyai disiplin, mengambil sikap sambil lewa dan pentingkan diri sendiri tanpa memikirkan risiko yang perlu ditanggung oleh siswa-siswi lain.

Pemikiran segelintir siswa-siswi yang seharusnya mempunyai akal yang panjang dengan berfikir dahulu sebelum melakukan, langsung tidak menggambarkan siswa-siswi berpendidikan kelas pertama. Malah pemikiran mereka mengalahkan sikap kebudak-budakan. Terdapat segelintir siswa-siswi yang seakan-akan tidak mampu berfikir tentang etika menaiki bas komuter dengan betul.

Mereka langsung tidak mempunyai kesabaran dan tidak menghormati penumpang lain dengan meredah masuk secara melulu sehinggakan memberi kesukaran kepada penumpang yang ingin turun, sedangkan kanak-kanak tadika pun mampu mempraktikkan adab menaiki bas dengan sopan dan menghormati orang lain.

Menurut Azlinda, sifat integriti perlu ditanam dalam diri kerana ia sangat berkait rapat dengan etika. Hal ini demikian kerana, etika ini cermin kepada setiap tindakan yang positif dalam kehidupan seharian. Adab menaiki bas sewajarnya perlu wujud dalam diri siswa-siswi kerana ia adalah salah satu bentuk integriti dalam kampus.



Bagi membentuk minda kelas pertama, siswa-siswi seharusnya peka terhadap tiga aspek utama iaitu pemikiran, perasaan dan tingkah. Tiga aspek ini adalah kayu asas untuk membentuk prestasi moral dan tingkah laku siswa-siswi yang bertatasusila. Siswa-siswi perlu menukar cara pemikiran agar sentiasa berpemikiran terbuka untuk menerima pandangan orang lain, menerima keadaan realiti dan membuang jauh sikap ego dari dalam diri.



MERANGKUMI ASPEK PEMIKIRAN, PERASAAN DAN TINGKAH LAKU

Siswa-siswi perlu memupuk sikap yang positif agar mencerminkan minda kelas pertama. Hal ini bukanlah suatu perkara yang ada diajar di dalam kelas secara teori mahupun dalam bentuk formula, namun siswa-siswi itu sendiri yang harus belajar dan praktikkan daripada nilai-nilai yang diperoleh dari kehidupan seharian.

Bagi membentuk minda kelas pertama, siswa-siswi seharusnya peka terhadap tiga aspek utama iaitu pemikiran, perasaan dan tingkah. Tiga aspek ini adalah kayu asas untuk membentuk prestasi moral dan tingkah laku siswa-siswi yang bertatasusila. Siswa-siswi perlu menukar cara pemikiran agar sentiasa berpemikiran terbuka untuk menerima pandangan orang lain, menerima keadaan realiti dan membuang jauh sikap ego dari dalam diri.

Siswa-siswi seharusnya berfikir secara rasional ke atas segala tindak-tanduk yang dilakukan, kerana kadang-kala perbuatan tersebut tidak sewajarnya dilakukan.

Malah, sering kali perbuatan yang dilakukan dengan tidak berfikir panjang akan memberi impak negatif terhadap individu lain. Kerap kali dilihat berlaku penyalahgunaan tempat letak kereta yang dikhaskan untuk orang kelainan upaya (OKU).

Aspek perasaan ditekankan untuk melahirkan siswa-siswi mentaliti kelas pertama. Perasaan belas kepada individu lain, secara tidak langsung akan membentuk tingkah laku atau perbuatan yang sopan dan dihormati.

Adab menaiki bas perlu sentiasa diamalkan. Tingkah laku yang baik dan sopan mencerminkan sikap siswa-siswi itu sendiri.

NASIB MASA HADAPAN

Siswa-siswi mesti mengubah sikap dan pemikiran selari dengan kesedaran kendiri agar mampu menghadapi sebarang perubahan serta mudah menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Ia penting apabila bergelar siswazah kelak. Siswa-siswi hari ini menjadi tonggak peneraju kejayaan negara masa hadapan.

Justeru, setiap siswa-siswi harus lebih peka dengan persekitaran kehidupan serta masalah yang sedang menimpa kita hari ini. Aspek terpenting yang harus diperjuangkan ialah berusaha membataskan sikap pentingkan diri sendiri sehingga peringkat minimum ke dalam diri siswa-siswi.

Jika siswa-siswi masih gagal mengawal gejala sikap pentingkan diri, maka semakin menjadi kurang bermakna program-program pembangunan siswa-siswi yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) seperti kem Pimpin Siswa.

Apa ertinya USM menghabiskan beratus ribu wang untuk kem Pimpin Siswa jika selepas tamat kem, siswa-siswi tetap turun ke lembah kehidupan yang penuh dengan sikap angkuh dan pentingkan diri tidak menghiraukan keadaan sekeliling. Pimpin Siswa ialah sebuah program yang dijalankan untuk membina pembentukan sahsiah siswa-siswi.

Siswa-siswi perlu mencapai piawai untuk membentuk minda kelas pertama supaya ia dapat membawa erti kepada moto USM iaitu ‘Kami Memimpin’. Jika sikap positif dapat dipupuk dalam diri siswa-siswi, secara tidak langsung ia menggambarkan sikap keprihatinan siswa-siswi terhadap individu lain.

Oleh itu, siswa-siswi seharusnya peka dan sering bertolak ansur antara satu sama lain. Janganlah terlalu mementingkan diri sendiri sehingga kesusahan orang lain yang ada di depan mata dibutakan sahaja.

Sesungguhnya perkara ini yang perlu diaplikasikan di dunia luar sana yang lebih besar cabarannya.



SABAR... Sentiasa bersedia menghadapi segala rintangan dan positif dalam menyelesaikan konflik yang dihadapi.

(**SUMBER** http://ustadchandra.wordpress.com/2011/02/12/etika-saat-berbicara/ketika-tangan-bicara/)

Dilema persahabatan dan tanggungjawab

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NADIRSHA**

Memori yang tercipta dalam sesebuah persahabatan begitu indah untuk dikenang terutama apabila tempoh perhubungan tersebut mencecah bertahun-tahun lamanya. Dilema yang perlu dihadapi dalam sebuah persahabatan ialah apabila bekerja dalam organisasi yang sama. Lebih parah lagi apabila salah seorangnya menjadi ketua dan selebihnya menjadi anak buah. Bagi mereka yang profesional ia tidak menjadi masalah namun sesetengahnya tidak dapat menerima keadaan ini. Perhubungan yang telah terbina sekian lama pastinya akan bergolak.

MUDAHKAN, JANGAN SUSAHKAN

Seandainya kesusahan itu datang menghampiri, jangan sesekali mudah melatah. Berfikir untuk mencari jalan keluar dengan mudah demi kebaikan kedua-dua pihak. Mempermudahkan bukan bermaksud memandang remeh kepada masalah tetapi tidak menjadikan masalah sebagai alasan untuk mengalah. Sekiranya berlaku konflik antara dua sahabat dalam sesebuah organisasi, jangan mudah melenting. Positifkan diri dan bermuhasabah kembali di mana silapnya kita.

Belajar untuk menjadi seorang manusia dewasa yang profesional dalam membezakan tanggungjawab dan persahabatan. Mungkin sukar namun fikirkan impak yang bakal diterima jika kita tidak mampu mengendalikannya. Jangan pentingkan diri sendiri. Sahabat yang menjadi ketua lebih berat tanggungjawabnya apabila terpaksa berfikir berkali-kali sebelum mengeluarkan sebarang arahan kerana takut mengecewakan anda.

Malahan, ketua anda terpaksa berdepan dengan cacian anak-anak buahnya jika tidak dapat berlaku adil kepada semua. Bantulah ketua anda dengan mempermudahkan urusannya kerana beban yang ditanggung melebihi segala-galanya. Bijak membezakan tanggungjawab dan persahabatan. Jika anda tahu membezakan kedua-duanya maka anda telah mempermudahkan sahabat anda dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalasnya.

TERSENYUMLAH SAAT DIRI TERTEKAN

Tekanan itu akan hadir apabila masalah yang menimpa tidak lagi dapat dikawal. Konflik yang berlaku bermula daripada penyerahan tugasan, teguran sehinggalah pertengkaran memburukkan lagi keadaan. Perhubungan antara dua sahabat sedikit sebanyak akan tergugat dan rasa tidak selesa mula membelenggu diri. Tidak ada gunanya terus bertengkar dan bermasam muka. Solusi terbaik menenangkan diri adalah dengan tersenyum. Magnet positif akan mendekati diri. Setidak-tidaknya dengan sifat positif mendorong kita untuk menghilangkan tekanan yang membelenggu.

Hapuskan sifat dendam yang menguasai diri sebaliknya berusaha sedaya upaya untuk menjadi lebih baik. Kuasa untuk mengubah keadaan menjadi lebih baik ada di tangan kita sendiri. Sekiranya usaha pun tidak mahu bagaimana keadaan akan berubah. Oleh itu, hapuskan rasa dendam dan mudah berkecil hati sekiranya ditegur atau di marahi oleh sahabat kita sendiri.



TANGGUNG-JAWAB... Apabila ada sifat tanggungjawab dalam diri, semua urusan pekerjaan akan menjadi mudah.

(**SUMBER** http://bourse.lefigaro.fr/indices-actions/actu-conseils/l-europe-est-le-lieu-le-plus-sur-au-monde-pour-investir-512554)

MENCARI SOLUSI TERBAIK

Ketika hubungan masih dalam keadaan tegang, hal yang perlu difikirkan ialah meredakan keadaan tersebut. Justeru, sebagai seorang manusia yang sudah dewasa dan berfikiran matang anda perlu bertenang dan berpandangan jauh.

Andalah yang harus mulakan langkah pertama untuk memulihkan hubungan persahabatan yang telah retak. Jangan tunggu dan terus menunggu untuk pihak satu lagi memulakan proses tersebut. Tegurlah sahabat anda seperti biasa seolah-olah tiada apa yang berlaku. Dalam masa yang sama, berusaha untuk meluangkan masa bersama-sama. Hal ini bagi mengelakkan rasa janggal dalam diri anda dan sahabat. Barangkali, sahabat anda malu dan egonya masih lagi tinggi untuk memulakan kembali proses pemulihan hubungan tersebut.

Setelah mencari masa yang sesuai, dekatilah sahabat dan suarakan isi hati anda. Meminta maaf dan terangkan keadaan anda yang sebenarnya. Hakikat yang perlu anda akui setiap daripada manusia itu ada tempoh rasa marahnya dan bila-bila masa rasa marah tersebut boleh reda. Sekiranya sahabat anda masih belum bersedia untuk mendengar isi hati anda maka berikanlah dia masa untuk menenangkan diri. Dekatkan diri dengannya dan tunjukkan keikhlasan anda dalam memulihkan persahabatan yang terbina.

Kesimpulannya, sekiranya anda biarkan ego menguasai diri pastinya persahabatan yang terjalin akan hancur berkecai begitu saja. Usah mempersoalkan siapa silap dan siapa pula yang betul. Nilai yang paling penting untuk dijunjung setiap daripada manusia itu ialah sifat pemaaf dan berusaha menjadi yang terbaik untuk orang-orang di sekeliling kita. Tidak ada yang lebih indah daripada persahabatan yang lama terbina. Suka duka yang kita kongsi bersama biarlah terus mekar dalam ingatan. Jangan biarkan persahabatan musnah dek kerana tanggungjawab yang kita galas.

IPS hargai pencapaian siswa-siswi

Institut Pengajian Siswazah (IPS) di Universiti Sains Malaysia (USM) mengadakan Majlis Persada Kencana (MPK) sebagai tanda penghargaan kepada siswa-siswi pasca-siswazah yang mencapai kejayaan cemerlang dalam penyelidikan dan penulisan akademik mereka.

Menurut Pemangku Dekan IPS, Profesor Fauziah Ahmad, MPK mula diperkenalkan pada tahun 2007. Mereka diberikan anugerah dan juga insentif yang bersesuaian dengan hasil kerja yang diterbitkan. Tambahnya lagi, penghargaan ini ialah satu bentuk dorongan bagi memastikan jurnal dan majalah akademik baru akan dihasilkan.

"IPS amat menggalakkan penerbitan penyelidikan dan penulisan akademik disebabkan permintaan pasaran kini yang mahukan idea baru untuk menyelesaikan masalah kehidupan. Apabila industri berminat dengan penyelidikan kamu, peluang untuk idea tersebut dikomersialisasikan sangat tinggi", katanya.

Tambah Fauziah lagi, siswa-siswi pra-siswazah kini boleh mula merancang topik penyelidikan bagi pengajian peringkat tinggi dengan mengkaji silibus pengajian yang diingini serta berjumpa dengan penasihat untuk memulakan penulisan kertas cadangan bagi tesis. Siswa-siswi perlu menulis kertas cadangan yang kukuh isinya untuk memudahkannya diterima.

Menurut salah seorang penerima anugerah, En. Hassan Gholipour Fereidouni yang berasal daripada Iran, anugerah yang diterimanya di MPK membanggakannya kerana beliau berasa sumbangan akademik beliau diiktiraf dan dihargai.

"Ini adalah kali kedua saya menerima anugerah Sanggar Sanjung ini. USM patut meneruskan upacara ini sebagai insentif yang baik untuk golongan pasca-siswazah untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka," kata Hassan.

Hassan, yang telah melanjutkan pelajarannya di USM sejak tahun 2007, juga menambah bahawa beliau terhutang budi kepada USM telah memberikannya persekitaran yang sesuai serta tajaan yang amat diperlukan untuk beliau menjalankan penyelidikan beliau tentang pelaburan langsung asing di dalam sektor hartanah yang diselia oleh Pusat Pengajian Pengurusan, USM.



TERUJA.... Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman menerima lukisan potret dirinya daripada IPS sebagai tanda penghargaan.



PROFESOR Madya Dr Raihanah Mohd Mydin dan Encik Lim Chee Leong bersama peserta wacana

Kemajuan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran

Oleh **LEE KAM FEI**

Penerima Anugerah Pengajaran Akademik Negara 2013, Profesor Madya Dr Raihanah Mohd Mydin daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Encik Lim Chee Leong daripada Taylor's University telah menyampaikan syarahan tentang kemajuan teknologi dalam bidang pengajaran masing-masing di Dewan Pembangunan Siswa II, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 21 Oktober 2014.

Profesor Madya Raihanah menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Passion-Driven Lifelong Learning In The Age Of The Internet: What Are The Emerging Trend?'.

Profesor Madya Raihanah mempersoalkan sama ada manusia dilahirkan dengan bakat ataupun manusia akan menemui bakat sendiri dalam kehidupan.

Profesor Madya Raihanah berkata kebanyakan manusia akan menemui bakat sendiri dalam kehidupan dan hanya segelintir manusia akan menemui bakat sendiri sejak kecil.

Profoser Madya Raihanah juga mengkaji dua penulis blog di Malaysia iaitu Profesor AAKarim dan Ahli Ekonomi, HishamH. Profesor AAKarim menulis tentang teknologi makanan. Encik HishamH pula menulis tentang ekonomi Malaysia.

Encik Lim Chee Leong daripada Taylor's University telah menyampaikan tajuk tentang penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Encik Lim telah memperkenalkan Rewind@Taylor. Remid@Taylor adalah teknologi yang membolehkan pengajar untuk merakam apa yang berlaku di dalam kelas. Dengan ini, pelajar mampu menonton video pensyarah pada masa lapang.

Encik Lim juga memperkenalkan X-Space. X-Space adalah bilik kelas yang mampu meningkatkan kemahiran berfikir yang kreatif dan kritis semasa tutorial.

Siswa-siswi perlu semai semangat wasatiyyah ummah

Bicara Wasatiyyah Menelusuri Kegemilangan Ummah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPPUSM) dengan Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Khas Pulau Pinang, Rakan Masjid dan Himpunan Anak-anak Kelantan (HAAK) pada 29 Oktober lalu yang bertempat di Masjid Al-Malik Khalid mendapat sambutan yang memuaskan daripada siswa-siswi USM.



Demi kesejahteraan ummah, siswa-siswi perlu menyemai dan menghayati sifat wasatiyyah yang bermaksud adil dan sederhana ini kerana ia merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat kini



Pengarah Projek, Mohamad Khairul Anam Masal, berkata projek ini bertujuan menyemai sifat kesederhanaan dalam setiap aspek kehidupan siswa dan urusan masyarakat pada masa kini.

"Kita cuba melakukan perubahan dari segi konsep pelaksanaan dengan mengadakan program ini di masjid. Kebiasaannya, program berbentuk ilmiah seringkali diadakan di Kompleks Cahaya, Dewan Tuanku Syed Putra dan dewan kuliah. Jadi ini merupakan salah satu cara juga bagi mengimarahkan lagi masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadat umat Islam malah sebagai pusat penyebaran ilmu dan dakwah", tambahnya lagi.

Menurut Timbalan Pengarah Institut Wasatiyyah Malaysia, Dr. Mushaddad Hasbullah yang merupakan penceramah jemputan menerangkan bahawa apabila seseorang itu terlalu mahukan sesuatu perkara akan menyebabkan manusia itu lalai dari pekerjaannya yang lain pula.

Namun begitu, dengan adanya sifat wasatiyyah dalam diri ini , kita hanya mahukan sesuatu perkara itu untuk keperluan sahaja.

"Demi kesejahteraan ummah, siswa-siswi perlu menyemai dan menghayati sifat wasatiyyah yang bermaksud adil dan sederhana ini kerana ia merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat kini", jelas beliau lagi.



TIMBALAN Pengarah Institut Wasatiyyah Malaysia, Dr Murshaddah ketika menyampaikan ceramah beliau.

Hazwannuddin Haniffuddin, Sains Kemasyarakatan 3, berpendapat program ini memberikan pendedahan kepada beliau tentang pemahaman yang lebih mendalam mengenai konsep wasatiyyah yang sebenar.

"Masyarakat tahu bahawa Islam mementingkan kesederhanaan, namun mereka tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian", jelasnya.

Seminar Pemerkasaan Warisan Melayu Pulau Pinang tingkatkan kesedaran masyarakat Melayu

Penganjuran Seminar Pemerkasaan Warisan Melayu Pulau Pinang : Cabaran dan Harapan dapat menambah dan meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu sebagai pewaris serta penjaga warisan Melayu seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Pengerusi, Khazanah Nasional Berhad, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Tambah beliau lagi, warisan budaya kian hilang, sebagai masyarakat Melayu, berpegang teguh kepada budaya adalah suatu keperluan.

"Bagi kita, pentingnya budaya, pentingnya adat resam jelas terbayang dalam peribahasa Melayu, biar mati anak jangan mati adat", ucap Yakcop ketika merasmikan seminar ini.

Seminar ini menjadi platform kepada penyelidik untuk membentangkan kertas kerja mereka. Isu yang menjadi tumpuan adalah kepentingan mengekal dan membaik pulih warisan Melayu di Pulau Pinang serta langkah-langkah mengekalkan warisan Melayu Pulau Pinang.

Menurut Nurain Maisarah Othman, Sains Kemasyarakatan 3, seminar ini telah membuka matanya terutama setelah mendengar pembentangan daripada Dato' Profesor Emeritus Mohamed Ghouse Nasaruddin.

Mohamed Ghouse berkata, British angkuh dan memandang rendah orang Melayu dengan merujuk Melayu sebagai the lazy Malay yang mudah dipengaruhi dan dilalaikan dengan pujian dan hiburan.

Seminar ini dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS) dengan kerjasama Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) dan Pertubuhan Amanah Warisan Melayu Pulau Pinang (PEWARIS). Seminar ini berlangsung di Dewan Persidangan Universiti (DPU) Universiti Sains Malaysia (USM).

Seminar yang turut dihadiri Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman, Penyelaras Operasi CenPRIS, Profesor Dato' Seri Dr Md. Salleh Yaapar dan Presiden PEMENANG merangkap Pengerusi PEWARIS, Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd. Yussof Latif mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelbagai pihak termasuk siswa-siswi USM.

Delegasi PERSADA USM ke Turki

Oleh **MUHAMAD RIDZWAN MD ALI**



PERMUAFAKATAN Siswa-siswi FELDA (PERSADA) memberi peluang kepada anak-anak, cucu-cucu dan staf FELDA berkumpul bersama bagi bergiat aktif dan memberikan impak positif kepada masyarakat.

Seramai 13 orang siswa-siswi Permufakatan Siswa/i FELDA (PERSADA) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengikuti Program Triumphant Threshold To Turkey pada Oktober yang lalu.

Menurut Pengarah Projek, Nurul Syafiqah Dawood, PERSADA adalah sebuah sekretariat yang bergerak aktif di USM dan ingin tampil untuk menyahut seruan universiti sebagai badan persatuan yang dapat mengukuhkan kredibiliti USM sebagai sebuah universiti yang melahirkan graduan berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

"Melalui program tersebut, pihak kami juga dapat meningkatkan pengetahuan mengenai syarikat FELDA di benua Eropah dan memahami kegiatan perniagaan FELDA di luar negara bagi memantapkan semangat keusahawanan dalam diri siswa-siswi", katanya.

Menurutnya, selain delegasi bersama FELDA IFFCO dari Izmir, Turki, PERSADA dapat mempelajari teknik–teknik pemasaran produk FELDA supaya dapat diadaptasi dan dijadikan panduan asas untuk membentuk budaya keusahawanan dalam diri siswa-siswi FELDA di USM.

Menurut Norzalika Mohd Musa, Ilmu Pendidikan 3, siswa-siswi PERSADA turut dapat melawat ke sebuah universiti terkenal di Istanbul iaitu Universiti Bogazici. Di situ mereka dapat mempelajari pelbagai pengalaman baru dan suasana pembelajarannya. Kampus ini turut menekankan aspek kelestarian.

"Kami turut merasai perayaan Hari Deepavali di Turkey sebagai pengalaman yang amat berbeza dengan kebudayaan di Malaysia" jelasnya.

Panda Burger perkenal strategi baru

Strategi baru akan diperkenalkan oleh Panda Burger untuk meningkatkan jualan mereka di Dataran Usahawan Desasiswa Tekun, Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Pemilik Panda Burger, Ahmad Azmer berkata selepas tiga tahun Panda Burger beroperasi beliau terfikir untuk merancang strategi pemasaran baharu untuk meningkatkan penjualan Panda Burger. Terbaru, beliau mendekati siswa-siswi dengan menawarkan burger yang ke-50 kepada pelanggan yang bertuah.

"Saya berasa seronok melihat pelanggan tersenyum dan juga teruja dengan sambutan yang mengalakkan dari siswa-siswi. Selain khidmat penghantaran burger ke desasiswa, saya juga akan memperkenal menu baru yang terdiri daripada ayam goreng dan burger eksotik seperti kambing, arnab dan rusa. Namun, ia bergantung kepada permintaan siswa-siswi dan tempoh percubaan selama seminggu untuk melihat sambutan siswa-siswi, jika ada permintaan yang tinggi saya akan terus memperkenalkan menu terbabit dalam masa terdekat", ujar Azmer.

"Kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) kerana memberi peluang dan ruang kepada saya dan peniaga lain serta memahami keadaan kami yang masih menuntut dengan mengenakan kadar sewa yang murah", tambah Azmer.

"Peniaga di Dataran Usahawan ini akan mula membuka kedai dalam masa yang terdekat mengikut keperluan siswa-siswi. Malah, kami akan memeriahkan Dataran Usahawan seperti dahulu dengan mengadakan tayangan filem, saluran Astro diwujudkan dan perancangan terbesar setakat ini akan melibatkan semua peniaga di bawah naungan PPKSP", jelasnya ketika ditanya mengenai suasana Dataran Usahawan yang semakin sepi.

Menurut Nurulamira Izzatie Malek, Sains Kemasyarakatan 3, keunikan Panda Burger dari segi rasa yang unik, servis lebih mesra pelanggan dan harga yang ditawarkan lebih murah berbanding burger lain.

Manakala, Nur Fatihah Ab Rahim, Sains Kemasyarakatan 3, juga berpendapat keunikan Panda Burger dari segi saiz burger yang lebih besar dan sos yang melimpah menyebabkan beliau menjadikan Panda Burger sebagai peneman di waktu malam.

Kedua-dua siswi ini berharap agar siswa-siswi yang lain dapat membantu untuk meminimumkan pengaliran wang keluar kampus dan berharap Panda Burger akan terus maju setanding dengan peniaga lain.

Antara nasionalisme dan komunisme, darurat untuk siapa?

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) telah mengadakan satu Seminar Sejarah pada 31 Oktober lalu di Dewan Persidangan PPIK bertujuan membuka pandangan siswa-siswi mengenai pengisytiharan darurat di Tanah Melayu.

Seminar yang diadakan mengupas tajuk 'Antara Nasionalisme & Komunisme Darurat Untuk Siapa?' telah disampaikan oleh pensyarah sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dr Azmi Arrifin.

Menurut Pengarah Projek Seminar Sejarah, Amar Ahmad, tajuk demikian dipilih bagi membuka pandangan siswa-siswi tentang persoalan yang timbul sejak kemerdekaan Tanah Melayu mengenai 'Siapakah sasaran pihak British sebenarnya ketika darurat diisytiharkan?'.

Dalam seminar ini, siswa-siswi telah didedahkan makna sebenar nasionalisme dan komunisme yang dicetus dalam sejarah ketika Tanah Melayu di bawah penjajahan British dan komunis. Menurut Dr Azmi Arrifin, ideologi nasionalisme terbentuk apabila masyarakat Melayu ketika itu menyertai kumpulan berhaluan kiri iaitu Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menentang penjajahan British. PKM pada masa itu tidak mendapat sokongan dari orang Melayu kerana di bawah sistem orang Cina.

Oleh demikian, bagi tidak menampakkan PKM seperti pengikut komunis, mereka menamakan nasionalisme iaitu memperjuangkan kedaulatan Tanah Melayu. Ideologi komunisme tidak diterima oleh orang Melayu, sedangkan komunisme adalah satu ideologi yang sama iaitu untuk menentang British bagi kedaulatan Tanah Melayu.

Tambah beliau, 'darurat' dalam penelitian sejarah bukan suatu perkara yang baru, tetapi sehingga ke hari ini ia masih diperdebatkan. Bagaimanapun, objektif beliau dalam seminar tersebut untuk tonjolkan 'darurat' dari sudut pandangan baru.

Tambahnya, dalam penyelidikan yang dibuat terhadap beberapa sarjana jelas mengatakan British hanya memprovokasi pengisytiharan darurat sedangkan perkataan 'darurat' tidak menggambarkan keadaan sebenar yang terjadi. Ia adalah sebuah peperangan bukannya darurat.

Di akhir seminar, beliau telah mencetuskan beberapa persoalan kepada siswa-siswi mengenai 'Siapakah sasaran British sebenarnya?' sama ada komunis atau pihak lain yang menentang British.

> "Siapakah sasaran pihak British sebenarnya ketika darurat diisytiharkan?"
>
> Pensyarah sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM, Dr Azmi Arrifin.

A portrait of a domestic affair

TITLE To The Lighthouse
AUTHOR Virginia Woolf
PUBLISHER Vintage 2004
REVIEWED BY Victoria Sofia

Published in 1927, To The Lighthouse is one of the most well known modernist novels of the 20th century. If you have never read Virginia Woolf's work, you are about to be introduced to concept of 'stream of consciousness'. It would be like reading a portrait as it dictates a character's thoughts and feeling at the same time.

To The Lighthouse is an evidence of Woolf's ability to translate the thoughts and life of the characters. A very rhythmic book, almost musical and it also allow readers to have some space to understand the words, sentence after another sentence. The tones of the book are very lively and yet serene. But the colour goes pale as time passes by, signifying the revelations of reality and the truth about life.

Set in an English country home, the book centers on the household of Mrs. Ramsay's family and the guests that came to the place. The book opens up with the longing of Mrs. Ramsay's son, James Ramsay to make a trip to the lighthouse. Across the bay of the household, stood the famous lighthouse that became the object of desire and resentment between James and Mr. Ramsay's respectively. It is a household affair as it tells the story, relationship and thoughts of the characters.


The book is divided into 3 parts, The Window, Time Passes and The Lighthouse. The first part of the book, Woolf introduced the characters and their perspectives, interrelationships with one another in a summer's day. In Time Passes, the plot had met with the Great War and the death of some of the characters. The final part of the book finally explains the journey to the lighthouse, ten years after 'The Window'.

To The Lighthouse explores the complexity of human relationships. The characters had displayed some clash of personalities. Mr. Ramsay is an ignorant man, selfish and rude who seems not to be too bothered with the guests, while Mrs. Ramsay showed the opposite. Virginia Woolf had brilliantly shifting the train of thoughts and conversations of the characters as the story unfolds. 5

The 'lighthouse' in this book may have reflected a typical traditional family and patriarchal ideology that was dominant in those days. The book had shown Mr. Ramsay had the final say about the trip to the lighthouse. The character of Charles Tansley had dismissed women's ability to paint while conversing with Lily Briscoe. The book presented two types of female role with Mrs. Ramsay, a housewife who obeys her husband; and Lily Briscoe, an independent woman who is passionate in art. The character of Lily Briscoe seems to mirror Virginia Woolf herself. It is interesting to note that Virginia Woolf is a feminist herself.

To The Lighthouse has established Virginia Woolf as one of the greatest writer in the 20th Century. It has withstood the test of time and it will be read again by new generation. It may be difficult to follow the sequence of the characters' monologue but Virginia Woolf had chosen her words carefully. The book exploits the daily activities of a traditional English household to explain the complexity of the world. It divulges into a childhood longing and the truth about the world: reality is subjective.

Papan penghubung orang mati



JUDUL Ouija
PENGARAH Stiles White
GENRE Seram/Suspen
PELAKON Olivia Cooke, Daren Kagasoff, Douglas Smith, Bianca Santos
DIULAS OLEH Nur Emira Saizali

Adakah anda pernah terfikir untuk berhubung dengan orang mati? Ternyata terdapat sebuah papan permainan dipanggil Ouija, yang membolehkan kita berkomunikasi dengan orang mati. Ouija bermaksud papan pemujaan hantu iaitu tempat berinteraksi atau berkomunikasi dengan orang mati. Papan pemujaan tersebut mempunyai huruf A sehinggalah Z, Yes & No dan Good Bye.

Ouija adalah sebuah filem bergenre seram arahan Stiles White yang juga pengarah untuk filem Insidious. Filem yang berdurasi selama 89 minit ini membariskan pelakon seperti Olivia Cooke (Elaine Morris), Daren Kagasoff (Trevor), Ana Coto (Sarah Morris), Bianca A. Santos (Isabelle), Douglas Smith (Pete) sebagai teraju utama.
Filem seram ini mengisahkan seorang gadis bernama Debbie yang menjumpai papan Ouija di atas loteng rumahnya. Tetapi niat untuk berseronok bertukar menjadi tragedi apabila Debbie menjerut lehernya dan terjun dari tingkat atas rumahnya secara tiba-tiba selepas bermain papan Ouija tersebut. Kejadian tersebut menjadi tanda tanya kepada rakan-rakannya dan mula mencari penyebab utama Debbie menggantung diri.

Elaine mula mengajak rakan-rakannya untuk bermain papan Ouija supaya dapat berkomunikasi dengan roh Debbie di rumah tersebut. Pada mulanya mereka menyangka telah dapat berkomunikasi dengan roh Debbie tapi sebenarnya mereka telah berkomunikasi dengan roh lain. Mereka cuba untuk berhenti bermain dengan papan berhantu tersebut namun setiap hari mereka seringkali diganggu dengan roh yang telah diseru.

Antara babak menarik di dalam Ouija ialah setiap seorang diganggu roh dengan meninggalkan perkataan 'Hi Friends' yang meninggalkan misteri dan tanda tanya kepada penonton. Ia mula bertukar tragedi apabila seorang demi seorang daripada mereka mati akibat daripada permainan tersebut. Elaine mula mencari jalan penyelesaian dengan membakar papan Ouija tetapi tidak berhasil.

Namun kematian Debbie masih menjadi tanda tanya semua rakan-rakannya. Adakah papan Ouija mempunyai kaitan dengan kematian Debbie? Selain itu, adakah Elaine berjaya merungkai misteri yang selama ini menghantui hidup mereka semua selepas bermain papan Ouija tersebut terutama sekali siapakah dalang sebenar yang telah menghantar mesej 'Hi Friends'?

Secara keseluruhannya, filem ini menampilkan jalan cerita yang lain daripada filem seram kerana menggunakan papan Ouija yang membolehkan mereka berhubung dengan orang yang mati. Elemen suspen dan seram yang cuba ditonjolkan dalam filem ini dianggap berjaya dan kesan visual yang digunakan juga memberi impak seram kepada penonton. Walau bagaimanapun, jalan cerita filem ini masih klise seperti filem seram Inggeris yang lain kerana sering mengetengahkan tentang roh jahat yang terdapat di dalam sebuah rumah dan memerlukan watak-watak dalam filem tersebut merungkai semua misteri yang berlaku. Jalan cerita filem ini tidak membosankan kerana tidak seperti filem seram yang lain kerana setiap saat pasti ada babak yang menyeramkan tambahan lagi sekiranya penonton inginkan kelainan terutama tentang papan Ouija yang menjadi alat komunikasi penghubung antara manusia dan orang mati.

Dystopian - a future ?



TITLE Divergent Trilogy (Divergent, Insurgent, Allegiant)
GENRE Adventure, science fiction, dystopia, young adult fiction
AUTHOR Veronica Roth
PUBLISHER Katherine Tegen Books
REVIEWED BY Michele Ng Heng Kim

Imagine living in a world where society is divided into five factions based on the traits you possess; the selfness Abnegation, the brave Dauntless, the intelligent Erudite, the peaceful Amity and the honest Candor. These factions do not depict your community alone but your belief, passion and loyalty. Every single detail from manner of speech, dress to everyday decision is dictated by the faction you belong. All sixteen year olds have to undergo an aptitude test to determine which factions suit them best and decide where their loyalties lie during the Choosing Ceremony, with their current faction or a new one. The faction choosen will be the one they devote their entire life to as the world motto is 'Faction before blood'.

In the midst of this society is an Abnegation girl, Beatrice Prior (later known as Tris) who is torn between choosing her family or being true to herself. Tris does not fit well in any factions as she is Divergent; one who does not possess a dominant trait aligning her with a particular faction. Her aptitude test results instead name three factions; Abnegation, Erudite and Dauntless. And she chooses to be the brave Dauntless.

However, not all Dauntless initiates enter the Dauntless faction. Only the top ten will be Dauntless while the rest factionless, doomed to poverty. Her very choice transforms the once shy, petite girl into a selfless and brave girl and brings her on a journey of endless danger and threat. Her transformation scares herself due to her lack of compassion to end a life and her recklessness to endanger her own life. This damages her budding relationship with her Dauntless instructor, Four (Tobias Eaton is his real name), a Divergent as well.

Throughout the whole series, chain of rebellion to maintain or eliminate the faction system keeps occurring. Various villains keep emerging whether it is the cruel Jeanine Matthews who seek to control the Dauntless and kill the Abnegation or the power struggle between dictator-like Evelyn Johnson who wants to disband the faction system and Marcus Eaton, upfront a "notable" leader but a cruel, sadistic husband and father behind the scene. Little do they know, the real villain exists outside the fence that exists as their world boundary and there are more to their world than it seems.

Veronica Roth's dystopia world is in actual fact Chicago in the United States of America. The perfect faction system is in actual fact a problem when the glorified virtue becomes the source of destruction and suffering. Selflessness becomes self-destruction, bravery gives way to aggression, intelligence becomes calculating and manipulative, love of peace is passivity and honesty becomes a way to brutalise others. All these portray the reality of the world that human is not perfect. This series leaves you with question on what virtue really is.

For a budding author, Roth's writing is very engaging and enthralling. The intriguing plotline will keep you glued to the book. The series is filled with unforeseen circumstances resulting in startling twist in the plot. However, the sudden change in the writing for the third book, Allegiant is startling to its avid readers. Allegiant is told from two different perspective; Tris and Tobias. On the bright side, this allows the series to grow beyond Tris point of view. Nonetheless, it is a sudden transition that changes the rhythm that the readers have grown accustomed to in the first two books. The readers need time to get used to the change before indulging themselves in the series again.

Roth managed to instill the necessary emotional element in the midst of all the tragedy and heart-breaking sacrifice, building a connection between the readers and the characters in the series. The readers are able to feel the torment and anguish of the characters. For example, when Tris made the heart-wrenching decision to sacrifice herself to save her friends and leave Tobias behind. It is due to this connection that the readers are not satisfied with Roth's decision to end Tris life at the end of the series. The readers have grown accustomed to Tris as a strong, tough and almost invincible girl due to her divergent trait but were forced to accept her gallant death to prevent her brother's sacrifice and for the sake of her loved ones.

For those who do not know, Divergent is Roth very first book published that hit the shelves. The book was such a hit that it was listed in New York Times list of bestsellers. The same goes for the remaining two books of the series; Insurgent and Allegiant. Hence, wait no longer and grab this bestseller from the nearest bookstore.

Strategi perang asas permainan catur Cina

Pertandingan catur Cina anjuran USM Bridge and Chess Club pada 2 November 2014 mendapat sambutan yang memuaskan daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM). Pertandingan tersebut berjaya menarik perhatian siswa-siswi untuk menonjolkan bakat mereka.

"Permainan catur Cina mempunyai beberapa peraturan dan pergerakan yang berbeza dari catur biasa. Setiap pemain diberikan masa 25 minit untuk meneruskan pergerakan mereka, kegagalan berbuat demikian dikira peserta kalah dalam pertandingan ini. Pergerakan buah catur yang mewakili meriam, askar, kuda dan kereta kuda terdapat dalam permainan ini adalah sama seperti alatan yang digunakan untuk peperangan pada zaman dahulu. Memenangi pertandingan ini dianggap seperti memenangi sesuatu peperangan", kata Pengarah Projek, Ho Chi Hou.

"Pertandingan kali ke-23 ini disertai lebih ramai peserta berbanding tahun-tahun yang sebelumnya. Kelab ini juga mengadakan kelas latihan buat siswa-siswi yang berminat mempelajari permainan ini. Kemahiran berfikir secara mantap dan kesabaran adalah antara kriteria utama yang perlu dimiliki oleh peserta yang berminat mengambil bahagian dalam pertandingan catur Cina", tambah Ho lagi.

Menurut Ong Tee Ho, Sains Matematik 3, dia mengambil bahagian dalam pertandingan ini sejak dia belajar di USM.

Penglibatan dalam pertandingan sebegini memantapkan lagi cara berfikir dan membantunya lebih fokus dalam sesuatu perkara yang dilakukan. Ong berharap pertandingan ini akan terus dilaksanakan untuk mencungkil lebih banyak bakat dalam diri siswa-siswi.



Pergerakan buah catur yang mewakili meriam, askar, kuda dan kereta kuda terdapat dalam permainan ini adalah sama seperti alatan yang digunakan untuk peperangan pada zaman dahulu. Memenangi pertandingan ini dianggap seperti memenangi sesuatu peperangan



Latihan berpusat mantapkan kontinjen USM MASUM Fasa II

Oleh **ASMAH ALI**

Latihan berpusat sejak 18 Oktober lalu oleh kontinjen Universiti Sains Malaysia (USM) dijalankan bagi memantapkan persediaan menyertai Karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 2 yang akan berlangsung 1 hingga 9 November di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

MASUM Fasa 2 ini anjuran bersama UMT mempertandingkan 12 jenis sukan termasuklah bola keranjang, bola tampar, futsal, hoki kategori wanita, karatedo, boling padang, memanah, menembak, renang, skuasy, taekwondo dan tenis.

USM menghantar wakil dalam setiap sukan yang dipertandingkan kecuali menembak. Seramai 71 atlet lelaki dan 77 atlet wanita akan mewakili USM. Mereka akan diiringi oleh 12 jurulatih dan lima pengurus.

Menurut Penolong Pegawai Kemajuan Sukan, Ahmad Norafandy Mohd Yatim, antara sukan yang disasarkan membawa balik pingat ialah bola keranjang, renang, taekwondo dan tenis.

"Saya berharap penyertaan USM kali ini tidak akan sia-sia dan memperoleh kejayaan dengan membawa pulang pingat, di samping memperbaiki kedudukan USM sendiri dalam Sukan MASUM", jelasnya.

Sukan MASUM Fasa 1 telah pun berlansung 5 hingga 13 April lalu di Universiti Sultan Idris (UPSI). USM berjaya berada di kedudukan keenam dari 20 universiti Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang bertanding.



Saya berharap penyertaan USM kali ini tidak akan sia-sia dan memperoleh kejayaan dengan membawa pulang pingat, di samping memperbaiki kedudukan USM sendiri dalam Sukan MASUM



Pasukan ping pong cari pelapis



SISWA-SISWI yang hadir dalam pencarian bakat baru sukan ping pong menjalani sesi latihan memanaskan badan.

Seramai 20 siswa-siswi hadir dalam pencarian bakat baru oleh pasukan ping pong Universiti Sains Malaysia (USM) yang diadakan di gelanggang ping pong pada 1 November yang lalu.

Menurut Kapten pasukan ping pong, Chooi Keng Leong, pencarian ini dijalankan untuk mencari bakat baru dan pelapis bagi sukan ping pong.

"Kami tidak mempunyai banyak pemain yang berpotensi dalam sukan ini dan sekarang kami cuba untuk mencari lebih banyak pemain baru. Hal ini demikian kerana, sesetengah daripada pemain sedia ada bakal bergraduasi tidak lama lagi", katanya.

Pasukan ping pong beregu lelaki USM telah memenangi pingat gangsa di Kejohanan Ping Pong IPT 2014 pada September lalu. Oleh itu, saya berharap agar lebih banyak kemenangan yang dapat kami perolehi sekiranya pasukan ping pong ini mempunyai lebih banyak pelapis", jelasnya lagi.

Menurut Siti Noor Wahidah Mukhtar, Sains Komputer 4, beliau melibatkan diri dalam pencarian bakat baru sukan ping pong ini kerana minatnya terhadap sukan ini dan untuk mengisi masa lapang.

"Saya berminat dalam sukan ini tetapi sebelum ini saya tidak mempunyai kesempatan untuk melibatkan diri kerana sibuk dengan kerja kursus dan sebagainya. Oleh sebab, semester ini saya di tahun empat saya mempunyai banyak masa lapang. Hal ini demikian kerana saya hanya perlu memfokuskan kepada projek tahun akhir sahaja", jelasnya.

Chooi juga berkata bahawa latihan kali ini memperlihatkan seorang pemain wanita yang berpotensi.

Beliau berharap lebih banyak penyertaan selepas ini agar pasukan ping pong USM dapat mencari lebih banyak pelapis di masa hadapan.



Beliau berharap lebih banyak penyertaan selepas ini agar pasukan ping pong USM dapat mencari lebih banyak pelapis di masa hadapan.



15 IPT sertai SUKIPT 2014

Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2014 (SUKIPT) anjuran Kelab 1Malaysia Chapter Sabah, Universiti Utara Malaysia (Adhoc Sabah UUM) kali ke-3 berjaya menarik 15 IPT menjadikan penyertaan paling banyak setakat ini.

Penyertaan 15 IPT termasuk tuan rumah UUM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya (UM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Univerisiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Menurut Yang Dipertua Adhoc Sabah UUM, Asmil Roslan, penyertaan yang banyak daripada IPT pada kali ini menjadi satu kejayaan yang boleh dibanggakan dengan tajaan utama oleh Persatuan Siswazah Sabah di Semenanjung (G3S).

"SUKIPT 2014 yang berlangsung tiga hari bermula 22 hingga 24 Oktober mempertandingkan tiga acara termasuklah futsal kategori lelaki, bola jaring kategori wanita dan bola tampar kategori lelaki dan wanita", tambahnya.

UPSI berjaya membawa pulang dua pingat emas dan satu perak. Ini meletakkan mereka sekali gus sebagai johan keseluruhan SUKIPT 2014 dan diikuti dengan UTM dan UUM. USM yang diwakili oleh Perkumpulan Siswa-siswi Sabah (PERSIS) tidak mendapat sebarang pingat dan hanya mampu mendapat tempat keempat dalam acara bola jaring kategori wanita.

Yang Dipertua PERSIS, Chong Soon Seng berkata semua ahli pasukan telah melakukan yang terbaik dan penuh semangat tetapi nasib tidak menyebelahi pasukan kami. Beliau berharap agar lebih ramai lagi ahli PERSIS akan terlibat dalam SUKIPT pada masa akan datang dan ukhwah anak negeri Sabah semakin erat.

Penyampaian hadiah dan perasmian Majlis Penutupan SUKIPT 2014 telah disempurnakan oleh Penolong Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah, Tuan Razali Mohd Zinin.

KEJOHANAN HOKI DEWAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI 2014

USM Alfa tewas suku akhir



TEWAS
Walaupun gagal mara ke peringat akhir, pasukan hoki USM Alfa tetap mempamerkan aksi yang mantap.

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Universiti Sains Malaysia (USM) telah menghantar dua pasukan untuk bertanding dalam Kejohanan Hoki Dewan Institut Pengajian Tinggi 2014 anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Edisi kejohanan kali ini hanya disertai 14 pasukan dan USM diwakili USM Alfa dan USM Beta.

Pasukan hoki USM Beta mara setakat pusingan kedua sahaja selepas bertemu sendiri dengan pasukan hoki USM Alfa dengan jaringan 0-1.

Sementara itu, pasukan hoki USM Alfa mara sehingga ke peringkat suku akhir sahaja selepas tewas penalti kepada pasukan hoki Universiti Jakarta, Indonesia dengan jaringan 4 - 5.

Ketua Pasukan, Ku Ahmad Azreal Ku Omar berkata mereka menyertai pertandingan ini adalah untuk memberi pendedahan awal untuk menghadapi kejohanan hoki MASUM.

Azreal berkata walaupun tewas tetapi mereka tetap bermain sebagai satu pasukan yang mantap dan memberi saingan yang sengit kepada pihak lawan.

"Saya akui bahawa pemain hoki USM tewas kerana kurang latihan kerana baru masuk semester baru", jelasnya kepada Berita Kampus.

Beliau menjelaskan bahawa pasukannya tetap menerima kekalahan dan komitmen yang ditunjukkan oleh setiap pemain amat memuaskan.

"Kalah atau menang ialah adat dalam satu pertandingan walaupun kami kecewa", katanya lagi.

Azreal berharap pasukan hoki USM lebih bersedia dan berlatih dengan gigih untuk menghadapi kejohanan yang akan datang.

Johan catur ingin ke peringkat dunia

Kejohanan tertutup catur USM yang diadakan baru-baru ini telah menemukan lelaki dan wanita sebagai pesaing bagi merebut hadiah wang tunai bernilai RM60 di tempat pertama, RM40 di tempat kedua dan RM30 di tempat ketiga. Bagaimanapun, kejohanan tertutup catur ini telah dimenangi oleh pemain lelaki.

Menurut Ahmad Syukri Mohd Khalil, Sains Matematik 4, beliau sangat gembira di atas kemenangannya dalam sukan yang diminatinya ini kerana pertama kali memenanginya.

"Dalam kejohanan catur tahun lepas, saya tidak memenangi apa-apa kerana terdapat pesaing yang lebih hebat daripada saya. Puncanya mungkin disebabkan saya kurang berlatih kerana pada ketika itu saya berehat dari sukan ini kerana sibuk dengan komitmen di pusat pengajian. Namun, tahun ini saya berjaya mendapatkan tempat pertama dengan kemenangan 5-0", katanya.

Ahmad menyatakan bahawa kunci kejayaannya adalah melalui pengalamannya yang pernah menjadi wakil dalam banyak pertandingan di peringkat sekolah dan kekerapannya berlatih pada tahun ini.

"Saya bermula dari tingkatan tiga dan pernah memasuki banyak pertandingan. Hal ini menyebabkan saya ingin meneruskan lagi perjuangan saya di peringkat universiti. Selepas kekalahan pada tahun lepas, saya kembali aktif dalam sukan ini dan mula berlatih sehingga berjaya ke tahap ini", jelasnya lagi.

Ahmad berharap agar bakat beliau dapat digilap lagi sehingga ke peringkat lebih tinggi dalam sukan catur ini. Walaupun beliau bakal bergraduasi tidak lama lagi namun baginya bakat bukan sahaja dapat digilap di USM tetapi juga di luar kerana sukan catur ini mempunyai banyak peringkat iaitu Fide Master (FM), International Master (IM), dan paling tertinggi ialah Grand Master (GM).

Tambahnya lagi, di Malaysia masih belum ada lagi pemain catur yang mencapai tahap GM ini dan impian beliau adalah untuk sampai ke tahap tersebut. Baginya, sesiapa sahaja yang dapat ke tahap ini adalah cukup membanggakan.

Kejohanan tertutup catur beri cabaran baru



TELITI
Siswi memulakan langkah dalam kejohanan tertutup catur yang menemukan lelaki dan wanita sebagai pesaing.

Kejohanan tertutup sukan catur anjuran USM Bridge dan Chess Club telah diadakan di Bilik Tutorial 149 Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1 November lepas.

Menurut Pengarah Projek, Ho Chi Hou, kejohanan ini diadakan untuk menggalakkan siswa-siswi terlibat dengan aktiviti sukan khususnya sukan catur selain memfokuskan kepada akademik.

"Kami mengadakan kejohanan ini untuk membuka peluang kepada peminat sukan catur untuk merasai sendiri pengalaman dan suasana semasa pertandingan. Peserta juga dapat berjumpa dengan pemain yang mempunyai tahap kemahiran yang berbeza iaitu terdapat pemain yang bagus dan juga sebaliknya tanpa mengikut kategori", katanya.

Menurut Nurul Nabilah Ishak, Sains Kimia 1, beliau sangat berminat dengan sukan catur ini dan mempunyai pengalaman sejak di bangku sekolah lagi.

"Saya pernah menjadi wakil asrama di sekolah. Sebelum ini saya pernah berlawan dengan pemain wanita sahaja. Namun, di sini terdapat kelainan apabila penganjur tidak mengasingkan mengikut kategori lelaki dan wanita tetapi mencampurkan kedua-duanya. Oleh itu, cabarannya besar bagi saya kerana pemain lelaki ini ternyata lebih hebat", jelasnya lagi.

Nabilah berasa gembira kerana dapat melihat strategi baru dari setiap pesaingnya serta mendapat kawan baru yang mempunyai minat yang sama. Beliau berharap agar kejohanan seperti ini dapat dijalankan pada masa hadapan.